

BAB 111

PELAKSANAAN SEBAT MENURUT HUKUM ISLAM DAN UNDANG-UNDANG JENAYAH DI MALAYSIA

BAB III

PELAKSANAAN SEBAT MENURUT HUKUM ISLAM DAN UNDANG-UNDANG JENAYAH DI MALAYSIA

3.1 PELAKSANAAN HUKUMAN SEBAT MENURUT HUKUM ISLAM

Selepas seseorang tertuduh dapat dibuktikan kesalahan mereka yang melibatkan hukuman sebat oleh pihak berkuasa, hukuman tersebut hendaklah dilaksanakan dengan segera. Walaupun begitu undang-undang Islam memandang penting beberapa syarat serta kriteria-kriteria tertentu sebelum sesuatu hukuman itu dikenakan ke atas seseorang penjenayah. Syarat-syarat itu mungkin terdapat pada diri pesalah itu sendiri seperti keadaan kesihatan, umur, jantina dan lain-lain. Selain daripada itu terdapat juga beberapa syarat yang terdapat pada unsur luaran dan persekitaran seperti keadaan cuaca, spesifikasi alat sebatan, syarat-syarat bagi tukang sebat dan sebagainya lagi. Di bawah ini akan diuraikan secara satu persatu mengenai aspek-aspek tersebut. Uraian adalah melibatkan peruntukan yang terdapat dalam al-Quran dan juga Hadith nabi s.'a.w serta pandangan para fukaha Islam mengenainya. Uraian adalah mengambil kira kaedah sebat yang diamalkan pada zaman Rasulullah s.'a.w dan para sahabat r.'a.

3.1.1 Taraf Kesihatan Pesalah

Menurut hukum asal hukuman bagi pesalah hudud hendaklah dilaksanakan dengan segera dan tidak boleh ditangguhkan. Namun demikian hukum asal itu masih lagi bersifat fleksibel dan berubah mengikut suasana dan keadaan sehingga tercapai maslahah dalam hukum Allah itu sendiri. Jumhur fukaha yang terdiri

daripada Imam Abū Ḥanīfah, Imam Mālik dan Imam al-Syāfi‘ī, pesalah hendaklah berada dalam keadaan fizikal yang sihat semasa hukuman sebat hendak dijalankan ke atasnya. Ini bererti sekiranya dia berada dalam keadaan sakit yang boleh mengancam keselamatan nyawa apabila hukuman terus dijalankan, hakim hendaklah memerintahkan supaya hukuman itu ditangguhkan buat sementara waktu. Penangguhan ini hanya terhad kepada penyakit-penyakit yang ada harapan sembah seperti demam, sakit kepala dan sakit-sakit ringan yang lain. Bagi pesalah sebegini Imam Abū Ḥanīfah, Imam Mālik dan Imam al-Syāfi‘ī berpendapat hendaklah ditangguhkan hukuman tersebut supaya penyakit itu sembah. Pandangan ini berdasarkan kepada tindakan Saidina ‘Ali yang menangguhkan pelaksanaan sebat ke atas wanita yang berada di dalam keadaan nifas. Mereka juga berpendapat penangguhan tersebut memungkinkan sebat dapat dilaksanakan dengan sempurna tanpa merbahayakan pesalah.¹ Namun demikian, sekiranya penyakit yang dihidapi itu merupakan penyakit yang tiada harapan untuk sembah atau pesalah itu merupakan seorang tua yang terlalu uzur hukuman ke atasnya tidak digalakkan tangguh. Dalam hal ini, tidak kedapatan keterangan daripada al-Quran ataupun al-Sunnah yang menghuraikan secara jelas konsep umur yang dianggap tua tersebut. Para fukaha Islam juga tidak membahaskan tentang anggaran umur yang dinisbahkan sebagai tua ini secara terperinci. Dengan itu para fukaha masakini seharusnya melakukan suatu tindakan proaktif mengisi kekurangan tersebut dengan memberi huraian maksud yang sesuai dalam mengkonsepsikan pesalah tua. Ini merupakan perkara yang dikira penting kerana kesan daripada itu melahirkan satu bentuk hukuman yang berbeza iaitu lebih

¹ Ibn Qudāmah (t.t.), *al-Muğhrī wa Yalīhi Syarḥ al-Kabīr*, jilid. 10. Beirut: Dār al-Kitāb ‘Arabi, hal.131. Lihat juga al-Syarbīnī al-Khaṭīb (1996), *Muğhnī al-Muhtāj*, jilid.4. Beirut: Dār al-Ma’rifah, hal. 201. Lihat juga dalam al-Kāṣānī (1988), *Bādā ḫiṣb al-Ṣanā’i*, jilid 9, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, hal. 256

ringan. Bagi pesalah tua, uzur serta menghidapi penyakit yang tiada harapan sembah menurut hukum perubatan, hukuman akan terus dijalankan tetapi dengan menggunakan cara dan alat sebatan yang berbeza sesuai dengan keadaan fizikalnya yang lemah itu. Alasan disegerakan pelaksanaan hukuman sebat bagi kes-kes pesalah tua dan sakit berat yang tiada harapan sembah ini kerana dibimbangi pesakit itu meninggal dunia sebelum hukum Allah sempat disempurnakan ke atasnya.²

Pandangan yang kedua dikemukakan oleh Abū Bakr, Ishāq dan Abū Thawr. Mereka berpendapat sebat mesti dikenakan segera tanpa ditangguhkan, samada pesalah itu sakit tenat atau tidak tanpa sebarang pengecualian. Golongan ini melihat hudud dari sudut kewajipan melaksanakannya. Bagi mereka, ia perlu disegerakan kerana jika ditangguhkan, pesalah itu mungkin akan meninggal dunia sedangkan hak Allah (hudud) yang wajib dilaksanakan ke atasnya belum diselesaikan.³ Cara mengenakan hukuman sebat ke atas golongan tua, uzur dan sakit tenat ialah disebat sekali sahaja dengan menggunakan alat sebatan ringan yang diberkas dengan bilangan yang menyamai hukuman yang diputuskan. Cara begini menurut mereka menyamai jumlah keseluruhannya. Cara ini juga merupakan satu cara yang pernah dilakukan oleh Saidina 'Umar al-Khaṭṭāb ke atas Qudāmah Ibn Maz'ūn yang disebat semasa beliau sakit.⁴ Bagaimanapun golongan jumhur berpendapat Hadith yang meriwayatkan mengenai tindakan saidina 'Umar ke atas Maz'ūn tadi besar kemungkinan adalah semasa pesalah dalam keadaan sakit ringan. Ini kerana tiada keterangan yang jelas yang

² Ibn Rusyd (1997), *Bidāyat al-Mujtahid wa Nihāyat al-Muqtashid*, jilid.2. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, hal.640. Lihat juga Ibn Qudāmah, *op.cit.* Lihat juga al-Kāsāni, *op.cit.*, Lihat juga al-Syarbīni, *op.cit.*

³ *Ibid.*

menunjukkan 'Umar menggunakan penyebat ringan untuk menyebatnya sebaliknya penyebat biasa yang bersaiz sederhana.⁵

Satu lagi keadaan di mana hukuman sebat hendaklah ditangguhkan ialah bagi pesalah yang sedang hamil serta menyusukan anak. Tempoh penangguhan hukuman bagi wanita hamil ialah sehingga melahirkan anak seterusnya habis nifasnya atau ditangguhkan sehingga sampai satu masa yang sesuai walau pun agak lama. Satu kes telah berlaku di zaman Rasulullah s.a.w di mana baginda memerintahkan Saidina 'Ali menyebat seorang perempuan yang didapati bersalah melakukan zina. Pada masa itu wanita tersebut sedang dalam nifas. Apabila 'Ali mengetahui keadaan tersebut beliau telah menangguhkan hukuman tersebut kerana bimbang boleh membahayakan wanita tersebut. Langkah yang diambil oleh 'Ali itu telah mendapat pengiktirafan serta pujian daripada Rasulullah s.a.w.⁶

3.1.2 Pakaian Semasa Menjalani Hukuman

Aspek pemakaian semasa menjalani hukuman juga turut dibincangkan dalam undang-undang jenayah Islam. Ketetapan berpakaian didapati ada perbezaan antara pesalah lelaki dan pesalah perempuan. Bagi kategori pesalah lelaki ada dua pandangan fukaha. Imam Mâlik berpendapat pesalah lelaki disebat dalam keadaan tidak memakai pakaian kecuali bagi menutup auratnya sahaja bagi semua

⁴ Ibn Qudâmah, *op.cit*, hal 131. Lihat juga dalam Ibn Rusyd, *op.cit*, hal. 64

⁵ Ibn Qudâmah, *ibid.*

⁶ Abu al-Wâlid al-Bâjî al-Andalûsi. *Kitâb al-Muntaqâ Syarâ' Miwaqqâ' al-Imâm Mâlik Ibn Anâs*. cetakan pertama 1332 H, juz 7. Mesir : Maṭba'ah al-Sâ'âdah, hal. 140-141. Lihat juga dalam al-Kâsâni, *op.cit*.

kesalahan hudud. Alasannya ialah supaya objektif hukuman iaitu mendatangkan rasa sakit serta serik untuk mengulangi jenayah yang sama akan tercapai. Imam al-Syāfi'i dan Imam Abū Ḥanīfah juga turut sependapat dengan Imam Mālik dalam masalah ini, tetapi mereka mengecualikannya bagi kesalahan qadhf.⁷ Berdasarkan pandangan-pandangan yang dikemukakan ini nampaknya terdapat persepakatan para fukaha tentang ketetapan pakaian bagi pesalah lelaki semasa disebat iaitu harus dibenarkan memakai pakaian yang diperbuat daripada kain yang nipis sahaja supaya selari dengan objektif hukuman. Namun demikian manapun bahagian yang dianggap aurat menurut hukum Islam hendaklah ditutup dengan sempurna. Bagi pesalah wanita pula, mereka dibolehkan memakai apa-apa jenis pakaian dengan syarat ianya tidak terlalu tebal seperti baju bulu atau baju musim sejuk yang tebal sehingga menghindarkan daripada rasa sakit apabila disebat. Pakaian pesalah wanita juga tidak dibenarkan terlalu nipis sehingga boleh menampakkan aurat mereka. Dalam masalah ini terdapat pandangan daripada ulama mazhab Syāfi'i dan Ḥanbali yang mencadangkan supaya pakaian mereka diikat kemas untuk mengelakkan daripada terselak atau terangkat semasa disebat demi memelihara maruah dan aurat mereka.⁸

3.1.3 Posisi Pesalah Semasa Menerima Hukuman

Mengenai kedudukan pesalah semasa sebat dilaksanakan ke atasnya, Ibn Qudāmah berpendapat pesalah lelaki akan disebat dalam keadaan berdiri, manakala pesalah wanita akan disebat dalam keadaan duduk. Salah satu pandangan daripada mazhab Mālikī pula berpendapat semua pesalah samada :

⁷ al-Syārbīnī al-Khaṭīb (1996). *op.cit*, hal.250-251

lelaki atau perempuan hendaklah disebat dalam keadaan duduk. Jumhur fukaha pula berpendapat pesalah yang dikenakan hukuman sebat seharusnya berdiri untuk memungkinkan sebat dikenakan pada keseluruhan bahagian badan kecuali tempat yang dilarang serta boleh mendatangkan bahaya kepada pesalah seperti kawasan muka, kepala dan kemaluan. Walaupun begitu mereka mengecualikannya bagi pesalah wanita. Bagi jumhur juga pesalah wanita seharusnya disebat dalam keadaan duduk untuk menjaga aurat mereka daripada terbuka atau terdedah semasa disebat.⁹

Pandangan daripada mazhab Maliki⁷ pula meletakkan pesalah lelaki dan perempuan dalam satu keadaan yang sama iaitu mereka semuanya akan disebat dalam keadaan berdiri. Sandaran mereka ialah zahir ayat al-Quran yang tidak meletakkan batas perbezaan antara pesalah lelaki dan perempuan. Dalam konteks ini nampaknya mereka sepakat dengan aliran *Zāhirī* yang berhujjah dengan makna zahir ayat al-Quran.¹⁰

Menyentuh mengenai masalah mengikat pesalah yang menjalani hukuman sebat , kebanyakan fukaha bersetuju bahawa mereka tidak perlu diikat pada mana-mana anggota samada tangan atau kaki.¹¹ Di sini Imam Mālik turut sealiran dengan pandangan jumhur fukaha tadi. Di samping itu Imam Mālik turut berpendapat

⁸ *Ibid.* Lihat juga dalam Wahbah al-Zuhayly (1988), *al-Fiqh al-Islāmiyy wa Adillatuh*, jilid 6. Damsyiq : Dār al-Fikr, hal. 61

⁹ Ibn Qudāmah, *ibid*, hal. 127-129. Lihat juga dalam al-Syarbīnī al-Khaṭīb (1996), *op cit*, hal 250-251. Libat juga dalam Ibn Ḥibbān (1996), Lihat juga Ibn Ḥibbān (tanpa tarikh), *Radd al-Mukhtar ala Durr al- Mukhtar. Hasyiah Ibn Abidin*, jilid 3. Pakistan : Maktabah Rasyidiah, hal.13

¹⁰ Ibn Rusyd (1997), *op cit*, hal.640

¹¹ *Ibid*, hal. 641

bahawa bagi pesalah lelaki tidak perlu diikat ketika menjalani hukuman sebat kecuali jika dia enggan berdiri atau tidak mampu samada berdiri atau duduk.¹²

Dari apa yang dibincangkan ini jelas kepada kita bahawa undang-undang jenayah Islam amat mementingkan maslahah dan roh ajaran agama Islam itu sendiri dalam objektifnya, sekalipun dalam aspek pelaksanaan hukuman kepada seorang penjenayah. Di samping itu juga kita akan dapati nilai-nilai kemanusiaan juga akan sentiasa diambil kira. Penekanan kepada aspek-aspek begini sebenarnya telah menjadikan hukuman itu lebih adil kepada semua pihak yang terlibat. Ini adalah salah satu daripada kekuatan yang ada dalam sistem ciptaan Ilahi berbanding dengan peraturan yang terdapat dalam sistem ciptaan manusia.

3.1.4 Sasaran Sebat

Menurut mazhab Ḥanafī, sebatan hendaklah mengena pada keseluruhan anggota pesalah kecuali muka, kepala,dada, perut dan kemaluan. Ini kerana memukul pada tempat-tempat tersebut boleh memudaratkan pesalah bahkan boleh membunuhnya. Pukulan yang ditumpukan hanya pada bahagian tertentu sahaja menyebabkan kesakitan yang amat sangat. Memukul kemaluan boleh menyebabkan maut, manakala muka dan kepala merupakan tempat terkumpulnya seluruh pancaindera manusia.¹³ Saidina 'Ali berpesan kepada penyebat :

اَخْزِرْ بِهِ وَاَعْطِ كُلَّ عَضُُورٍ مِنْهُ حَقَّهُ وَاتْقِ وَجْهَهُ وَمَذَكُورَهُ¹⁴

¹² Ibn al-Humām (t.t). *Syarḥ Fath al-Qadīr* jilid 5. Mesir : Maktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Halabīyy wa Awlādūh, hal 126. Lihat juga dalam al-Shirāzī (tanpa tarikh), *al-Muhaḍhdhab*, jilid 2, hal.287.

¹³ al-Kāṣānī (1988),*op.cit.* hal. 256. Ibn al-Humām (tanpa tarikh),*op.cit.* jilid 5, hal.231

¹⁴ Ibn al-Humām,*op.cit*

Maksudnya:

“Pukullah dan berikanlah setiap anggota itu haknya, dan elakkan kawasan muka dan kemaluannya”

Menurut Imam Syāfi’ī pukulan mestilah dikenakan di seluruh anggota badan kecuali muka, kemaluan, rusuk serta tempat-tempat yang ditakuti membawa maut.

¹⁵ Imam Ḥanbalī pula menghadkan pukulan yang dilarang pada tiga tempat iaitu kepala, muka, dan kemaluan. Pukulan bolehlah dilebihkan pada tempat-tempat yang banyak daging seperti paha atau punggung. Ini kerana tempat-tempat lain selain daripada yang disebutkan di atas kebiasanya tidak membawa maut.¹⁶ Bagi Imam Mālik pesalah hudud hendaklah disebat di sekitar belakang penjenayah .¹⁷

Daripada pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh para fukaha tadi jelaslah kepada kita bahawa pukulan sebat dalam undang-undang jenayah Islam bertujuan untuk memberi kesedaran dan rasa serik kepada penjenayah. Dengan itu kemungkinan untuk mereka mengulangi lagi kesalahan yang sama adalah berkurangan. Nampaknya fukaha juga sepakat supaya menghindari daripada mengenakan pukulan pada tempat-tempat tertentu yang merupakan kawasan sensitif serta boleh mendatangkan mudarat kepada pesalah terbabit. Perbuatan menghadkan pukulan pada kawasan tetentu sahaja boleh merosakkan anggota tersebut atau menghilangkan fungsinya.

¹⁵ al-Syarbini(1996) , *op.cit*, hal 251. Lihat juga dalam al-Syirāzī, *op.cit*, hal 346

¹⁶ Ibn Qudamah,*op.cit*, hal. 129

¹⁷ Ibn Rusyd (1997), *op.cit*, hal.429, al-Dusūqī, *Hāsyiah al-Dusūqī*, jilid 4, hal. 354. Lihat juga dalam Ibn Farhūn, *Taḥṣīrāt al-Hukkām*, jilid 2, cetakan 1. Kaherah : Maktabah al-Kulliyāt al-Azhariyyah, hal.265

Pukulan di kepala boleh merosakkan akal seseorang, manakala memukul pada muka boleh menyebabkan kerosakan pada penglihatan dan pendengaran. Pukulan pada kemaluan pula boleh menyebabkan maut. Semua itu bertentangan dengan tujuan yang hendak dicapai oleh syariat daripada hukuman sebat. Hukuman itu bertujuan mendidik dan menginsafkan bukan mencederakan atau membunuh. Antara hikmah disebalik meratakan pukulan pada seluruh anggota jasad penjenayah supaya kesannya dapat dirasai oleh seluruh jasad dan bukan pada tempat-tempat yang tertentu sahaja sebagaimana seluruh anggota terlibat dengan jenayah yang dilakukan.

3.1.5 Alat Sebatan

Berdasarkan keterangan-keterangan yang terdapat dalam al-Sunnah, para fukaha telah membuat perbincangan yang mendalam tentang alat yang boleh digunakan untuk menyebat pesalah-pesalah yang melakukan kesalahan hudud dan juga takzir. Amalan yang dipraktikkan pada zaman Rasulullah s.a.w dan juga zaman-zaman awal Islam menunjukkan bahawa bagi berbagai kesalahan hudud yang dikenakan hukuman sebat, pesalah akan disebat dengan sejenis alat yang dinamakan dengan *al-sawf* atau diterjemahkan sebagai cemeti. Berasaskan kepada amalan ini jumhur fukaha menegaskan bahawa jenis alat yang boleh digunakan untuk menyebat pesalah yang melakukan kesalahan hudud adalah cemeti. Ini kerana ia merupakan cara yang pernah digunakan oleh Rasulullah s.a.w sendiri yang mana kemudiannya diikuti oleh para sahabat dan khulafa' al-Rasyidin. Pandangan jumhur fukaha turut bersandarkan kepada Hadith nabi s.a.w yang bermaksud :

"Apabila di dapati seseorang meminum arak maka hendaklah kamu menyebatnya".¹⁸

Dalam mentafsirkan Hadith di atas Ibn Qudāmah berpendapat oleh kerana perintah menyebat yang terdapat dalam Hadith tersebut adalah bersifat mutlak tanpa menjelaskan secara spesifik bentuk dan jenis alat sebatan itu, maka panduan adalah dirujuk kepada amalan nabi dan para sahabat selepas zaman baginda, di mana sebatan biasanya dengan menggunakan cemeti. Atas alasan ini mereka mendakwa penggunaan cemeti sebagai ijmak. Pandangan ini telah ditolak oleh Imam al-Nawāwi kerana masih terdapat Hadith Sahih lain yang menunjukkan bahawa alat selain daripada cemeti juga pernah digunakan oleh Rasulullah s.'a.w untuk menyebat pesalah yang melakukan kesalahan minum arak.¹⁹ Antaranya ialah Hadith riwayat Abū Hurayrah r.'a yang bermaksud :

إِنَّ النَّبِيًّا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ اضْرِبُوهُ فَمِنْ الظَّارِبِ
بِيَدِهِ وَمِنْ الظَّارِبِ بِنَعْلِهِ وَمِنْ الظَّارِبِ بِثَوْبِهِ²⁰

Maksudnya :

"Telah datang kepada Nabi s.'a.w seorang yang telah disabitkan dengan kesalahan minum arak, maka Rasulullah s.'a.w mengarahkan agar dia dipukul. Kata Abu Hurayrah: "Maka ada di antara kami yang memukulnya dengan tangan, ada yang memukulnya dengan sepatu, dan yang memukulnya dengan hujung-hujung kain yang dipintal"

Hadith Abū Hurayrah ini telah dilihat oleh para fukaha Islam dari berbagai perspektif. Mazhab al-Syāfi'i berpendapat Hadith berkenaan menunjukkan

¹⁸ al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, jilid 4, hal.48. Lihat juga dalam Abū Dāwūd, *Sunan Abū Dāwūd*, jilid 4, hal.263-264

¹⁹ al-Nawāwi (1972), *Syarh Ṣaḥīḥ Muslim*, jilid 11. Tempat : Dār Ihya' al-Turāth al-'Arabi, hal.218.

²⁰ Abū 'Abd Allāh Muḥammad ibn Ismā'il al-Bukhārī (1979). *Saḥīḥ al-Bukhārī*, volume viii, Hadith no: 786. Pakistan: Kazi Publication, hal .506

bahawa dalam kes kesalahan minum arak maka pesalah tidak semetinya disebat dengan menggunakan cemeti. Sebaliknya mereka boleh disebat dengan menggunakan alat-alat lain seperti hujung kain yang dipintal, sepatu, pelepas tamar yang kering dan sebagainya lagi. Selain itu mereka melihat tiada berlaku pemansuhan terhadap Hadith tersebut maka hukumannya juga disifatkan sebagai kekal.²¹ Selain daripada itu terdapat juga pandangan dalam mazhab Syāfi'i yang menyatakan sekiranya peminum arak itu sihat tubuh badannya, maka hendaklah juga disebat dengan cemeti seperti dengan kesalahan-kesalahan hudud yang lain. Ibn Qudāmah pula berpendapat bahawa Hadith Abū Hurayrah itu menjelaskan cara menyebat pesalah minum arak pada peringkat awal hukuman sebat di wajibkan dalam Islam. Manakala selepas daripada itu didapati beberapa riwayat yang menunjukkan bahawa Nabi Muhammad s.a.w sendiri telah menggunakan cemeti untuk menyebat pesalah. Jadi itulah hukuman yang dianggap kekal.²²

Berdasarkan pandangan-pandangan yang diutarakan oleh para fukaha tadi, dapat dikatakan walaupun pada lazimnya cemeti merupakan alat yang digunakan untuk menyebat pesalah dalam kes-kes hudud dan takzir, maka kita juga terpaksa menerima bahawa alat-alat yang selain daripada cemeti juga harus digunakan selagi tidak terkeluar daripada matlamat hukuman itu sendiri. Ini kerana kedua-dua pandangan fukaha adalah berdasarkan Hadith Ṣahīḥ yang merupakan sandaran hukum yang kukuh. Oleh itu sebagai langkah berhati-hati menerima pakai kedua-dua dalil adalah lebih baik daripada menolak salah satu daripadanya tanpa alasan yang benar-benar kuat.

:

²¹ al-Syarbīnī (1997), *op.cit.*, hal 284. Lihat juga dalam al-Ramly (tanpa tarikh), *Nihāyat al-Muhtāj ilā Šurh al-Minhāj*, jilid 8. Mesir : Muṣṭafā al-Bābiyy al-Halabiyy, hal.15

3.1.6 Spesifikasi Alat Sebatan

Sumber al-Quran atau al-Hadith sendiri tidak menghuraikan secara spesifik alat yang digunakan untuk melaksanakan hukuman sebat samada dalam kes hudud atau pun takzir. Walau bagaimana pun terdapat keterangan-keterangan yang menyatakan beberapa syarat berkenaan dengan alat yang digunakan untuk menyebat pesalah. Oleh itu berdasarkan beberapa keterangan umum dari beberapa Hadith para fukaha meletakkan beberapa syarat kepada alat yang digunakan untuk menyebat seperti saiz, kekuatan yang ada pada alat dan juga bentuknya.

Syarat pertama ialah saiz alat sebatan yang digunakan. Di sini disyaratkan supaya alat sebatan hendaklah bersaiz sederhana. Dalam erti kata yang lain ianya tidak terlalu besar dan juga tidak terlalu kecil.²² Cuma itu sahaja garis panduan yang terdapat dalam fiqh tentang saiz cemeti untuk sebatan. Tidak diperincikan berapa inci atau berapa centimeterkah ukur lilit cemeti yang dianggap sederhana tadi. Lantaran itu aspek ini juga memerlukan satu ketetapan oleh para ulama supaya wujud satu persepakatan tentang saiz alat sebatan ini terutamanya dalam usaha mengkodifikasi undang-undang jenayah Islam itu sendiri.

Selain daripada saiz, undang-undang jenayah Islam juga turut meletakkan syarat supaya alat yang akan digunakan hendaklah dari jenis yang bakal menerbitkan

²² Ibn Qudāmah, *op.cit*.hal.128.

²³ Ibn Qudāmah, *ibid.* Lihat juga Ibn 'Ābidīn (tanpa tarikh). *Radd al-Mukhtār 'ala Durr al-Mukhtār. Hasyiyah Ibn Abidin*, jilid 3. Pakistan : Maktabah Rasyidiah, hal.161. Lihat juga Ibn al-Humām, *op.cit*. hal.230

kekuatan sederhana apabila digunakan kepada pesalah. Oleh itu alat tersebut disyaratkan tidak terlalu muda atau baru yang boleh mendatangkan kesakitan yang kuat dan tidak juga terlalu lama atau reput sehingga tiada langsung kesan kesakitan daripadanya. Selain itu, alat sebat juga disyaratkan supaya tidak bercabang atau pecah dihujungnya atau mempunyai ruas. Sekiranya tiada pilihan dan terpaksa menggunakan alat yang bercabang itu, setiap pecahan dikira menyamai satu kali sebat. Begitu juga sekiranya terdapat biji-bijian kecil atau ruas pada alat yang hendak digunakan, hendaklah dibuang terlebih dahulu kerana kewujudan benda-benda tersebut boleh menambahkan lagi kesakitan pada diri pesalah. Saidina 'Ali menjelaskan tentang kesederhanaan alat yang digunakan untuk menyebat dengan katanya :

ضَرَبَ بَيْنَ صَرَبَيْنِ وَسُوْطَرَ بَيْنَ سُوْطَرَيْنِ يَعْنِي وَسْطًا
لَا شَدِيدٌ فَيُقْتَلُ وَلَا ضَعِيفٌ فَلَا يُرْدَعُ²⁴

Rujukan hadith dalam masalah spesifikasi alat sebatan ini boleh didapati dalam satu keterangan mengenai seorang lelaki yang telah datang kepada Rasulullah s.a.w dan mengaku telah melakukan zina . Lalu Rasulullah s.a.w meminta dibawakan kepada baginda satu cemeti. Lantas dibawakan kepada baginda cemeti lama yang hancur. Baginda kemudiannya meminta cemeti lain yang lebih baru. Kemudian dibawakan kepadanya cemeti yang terlalu baru serta belum dibuang serpihan-serpihannya. Rasulullah s.a.w seterusnya meminta cemeti yang lebih lama sedikit daripadanya. Akhirnya sahabat tadi membawa satu cemeti yang tidak terlalu baru dan tidak terlalu lama, maka Rasulullah s.a.w pun

²⁴ Ibid.

mengarahkan supaya disebat dengan cemeti tersebut.²⁵ Selain daripada itu Ibn al-Humām turut memetik satu kes yang diriwayatkan oleh Ibnu Abī Syaibah bahawa Anas bin Mālik berkata :

*"pernah diarahkan pada zaman Sa'īdīnā 'Umar untuk menyediakan cemeti, lalu diambilnya satu cemeti, dibuang segala lebih-lebihan dan biji-biji yang ada seterusnya cemeti itu dihimpitkan antara dua batu agar menjadi lembut sedikit lalu disebat denganannya"*²⁶

3.1.7 Kekuatan Pukulan

Kekuatan pukulan semasa sebatan dilaksanakan juga hendaklah sederhana, tidak terlalu kuat lantas menyebabkan luka dan terkoyak kulitnya dan tidak terlalu perlahan sehingga tidak memberi kesan insaf kepada pesalah. al-Šābūnī telah memetik daripada Imam al-Qurtubī mengenai cara menyebat pesalah iaitu mengenakan satu pukulan yang boleh menyakitkan tetapi tidaklah sampai mencederakan atau mengoyakkan kulit mereka dan jauh sekali daripada menyebabkan kematian. Hukuman sebat berbeza dengan hukuman rejam di mana hukuman rejam ialah satu hukuman mati mandatori dibawah kesalahan hudud. Lantaran dalam melaksanakan sebatan, tukang sebat (jallād) tidak seharusnya mengangkat tangannya melebihi paras ketiak.²⁷ Pandangan ini merujuk kepada pesanan Sa'īdīnā 'Umar al-Khaṭṭāb kepada tukang sebat : *"Sebatlah ia dan jangan diangkat tanganmu sehingga menampakkan ketiak"*. Dalam satu kes yang lain

²⁵ al-Zarqānī (1936 M), *Syarḥ al-Zarqānī 'ala Muwattā' al-Imām Mālik*, volume IV, Hadith 1604. Beirut : Dār al-Fikr. Lihat juga al-Bayhāqī, *Sunan al-Kubrā*, jilid 8. Beirut : Dār al-Fikr , hal.326

²⁶ Ibn al-Humām, *op.cit*, hal.230

²⁷ Muhammad 'Alī al-Šābūnī (1997), *Rawā'i' al-Bayān fī Tafsīr Āyat al-Āhkām*, jilid 2. Damsyiq : Maktabah al-Ghazālī, hal.34

‘Umar telah menegur seseorang yang menyebat dengan agak kuat katanya : “*Kamu bukan menyebatnya, tetapi kamu membunuhnya*”.²⁸

Rasionalnya ialah perbuatan mengangkat tangan terlalu tinggi sebelum melepaskan sesuatu pukulan akan menghasilkan satu hayunan sebat yang terlalu kuat dan kesannya amat menyakitkan. Manakala terlalu merapatkan lengan dengan ketiak ketika memulakan hayunan pula menyebabkan sebatan menjadi terlalu perlahan dan dibimbangi tiada kesakitan langsung yang dapat menginsafkan mereka yang bersalah. Perlu diingat bahawa hukuman sebat disyariatkan bertujuan untuk mencegah seseorang pesalah daripada terus melakukan jenayah, bukannya bertujuan untuk membinasakan mereka.²⁹

Terdapat juga perbahasan di kalangan fukaha mengenai sifat serta kekuatan sebatan dalam bagi kesalahan hudud dan takzir. Mengenai sebatan bagi kesalahan hudud, terdapat beberapa pandangan yang berbeza di kalangan fukaha Islam. Golongan Ḥanafiyyah berpendapat sebatan bagi kesalahan zina hendaklah lebih kuat daripada sebatan bagi kesalahan minum arak. Manakala sebatan bagi kesalahan minum arak pula hendaklah lebih kuat daripada sebatan bagi kesalahan qadhaf. Fukaha dari mazhab ini juga berpendapat bahawa sebatan yang paling kuat ialah sebatan bagi kesalahan takzir. Alasan mereka ialah tindakan Saidina ‘Umar al-Khaṭṭāb yang menjadikan sebatan bagi takzir lebih kuat berbanding hudud.³⁰

²⁸ Ibn Qudāmah, *op.cit*, hal.129. Lihat juga al-Syarbini, *op.cit*, hal.250. Lihat juga Ibn Farhūn, *op.cit*, hal. 266 dan lihat juga dalam al-Kāṣāni,*op.cit*, hal.261

²⁹ al-Kāṣāni, *ibid*, hal.256

³⁰ al-Sabūnī, *op.cit*, hal.34. al-Zuhayly, *op.cit*, hal.61

Imam al-Thawri pula berpendapat bahawa sebatan bagi zina hendaklah lebih kuat daripada sebatan bagi kesalahan qadhf sedangkan sebatan bagi qadhf hendaklah lebih kuat daripada sebatan bagi kesalahan minum arak. Pandangan Imam al-Thawri lebih hampir dengan pendapat dalam mazhab Hanafi. Bagi beliau sebatan bagi kesalahan zina sudah memadai dari segi bilangannya untuk menginsafkan pesalah sedangkan bilangan sebatan bagi kesalahan minum arak dan qadhf lebih rendah bilangannya. Lantaran itu wajar lah ianya lebih kuat dari segi pukulan.³¹

Golongan Mâlikiyah dan al-Syâfi'iyyah pula berpendapat bahawa semua sebatan bagi kesalahan hudud adalah sama. Oleh kerana ia merupakan ketetapan daripada Allah Ta'ala di tambah pula dengan tiada keterangan daripada Hadith nabi supaya memberat atau meringan hukuman dalam kes-kes hudud.³²

3.1.8 Masa dan Tempat Pelaksanaan Hukuman

Dari segi masa, iaitu bilakah masa yang sesuai seseorang yang didapati bersalah dijalankan hukuman sebat ke atasnya, menurut jumhur fukaha, antara syarat sewaktu menjalankan hukuman sebat ialah dalam keadaan cuaca yang sederhana iaitu tidak terlalu panas dan tidak juga terlalu sejuk. Ini kerana keadaan keterlaluan bagi kedua-duanya akan menambahkan lagi kesakitan pesalah. Lantaran itu ianya perlulah dielakkan supaya lebih adil bagi si pesalah.³³

³¹ al-Sâbûni, *op.cit.*, hal. 35

³² al-Sâbûni, *ibid*, hal.35

Pada zaman Rasulullah s.a.w dan juga para sahabat tidak kedapatan satu keterangan yang jelas bahawa hukuman sebat mestilah dijalankan ditempat-tempat yang tertentu. Akan tetapi terdapat sebuah Hadith nabi yang melarang melaksanakan hudud di dalam masjid. Sabda Rasulullah s.a.w :

لَا تُقْعِدُ الْحَدُودَ فِي الْمَسَاجِدِ وَلَا يُقْتَلُ بِالْوَلَدِ الْوَالِدَ³⁴

Maksudnya :

“dan janganlah laksanakan hudud di masjid-masjid dan janganlah dibunuh bapa dengan anak ...”

Larangan ini bertujuan menjaga kemuliaan masjid itu sendiri supaya terpelihara daripada sebarang kekotoran atau najis kesan daripada pelaksanaan hukuman tadi seperti darah dan seumpamanya.³⁵

Walau pun tidak ada keterangan tentang tempat, tetapi syarat-syarat tertentu semasa hukuman dijalankan mestilah dipenuhi. Antara syarat wajib bagi pelaksanaan hukuman sebat dalam Islam ialah menjalankannya di tempat-tempat yang boleh disaksikan oleh orang ramai. Ia tidak bolch dilakukan secara senyap-senyap atau tertutup daripada pengetahuan awam. Ini bersesuaian dengan prinsip hukuman ḥadd itu sendiri iaitu untuk memberi pengajaran serta menakutkan manusia melakukan jenayah.³⁶ Ia juga merupakan satu ketetapan Allah s.w.t yang mesti dipatuhi. Firman Allah Ta’ala dalam surah al-Nur 24:2 :

³³ al-Kasanī, *op.cit.*, hal 230. Lihat juga dalam al-Dusūqī, (tanpa tarikh), *Hāsyiah al-Dusūqī 'ala Syarḥ al-Kabīr*, jilid 4. Beirut : Dār al-Kutub al-'Arabi, hal.322. Lihat juga dalam al-Syarbīnī, *op.cit.*, hal 202. Lihat juga dalam Ibn al-Rusyd, *op.cit.*, hal .640

³⁴ Ibn Majah (2000), *Sunan Ibn Mājah*, Hadith 2697. Kaherah: Thesaurus Islamicus Foundation, hal.377

³⁵ Wahbah al-Zuhayly (Dr), *op.cit.* hal.65

³⁶ Muhammad Iqbal Siddiqi (1985), *The Penal Law of Islam*. 2nd Edition. Pakistan: Kazi Publication, hal. 10

وَلِيَشْهَدُ عَذَابَهُمَا طَائِفَةٌ مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ

Maksudnya :

" maka persaksikanlah siksaan kedua-duanya oleh segolongan orang-orang mukmin"

Maksud ayat di atas jelas mewajibkan supaya pelaksanaan disaksikan oleh sekumpulan orang-orang yang beriman. Tujuannya supaya mereka dapat melihat pembalasan yang terpaksa diterima oleh mereka yang berani melanggar hukum Allah Ta'ala yang amat besar dimana melibatkan pencerobohan terhadap hak Allah sekaligus hak masyarakat.

Berkenaan dengan ayat di atas juga terdapat beberapa tafsiran yang dibuat oleh para fuqha tentang bilangan yang memenuhi syarat supaya disaksikan oleh segolongan (*ṭā'iifah*) orang mukmin seperti yang dikehendaki oleh ayat di atas. Imam Mujāhid berpendapat perkataan tersebut ditujukan kepada bilangan yang lebih dari seorang. 'Ikrimah , 'Atā' dan Mālik berpendapat dua orang ke atas. al-Zuhri pula berpendapat syarat tiga orang ke atas adalah memenuhi maksud *ṭā'iifah* tersebut. Manakala Ibn 'Abbās berpendapat *ṭā'iifah* merujuk kepada empat orang ke atas berdasarkan saksi yang diperlukan bagi kesalahan zina ialah empat orang lelaki yang beriman. Pandangan Ibn' Abbas ini juga merupakan pandangan yang dipakai dalam mazhab Syāfi'i.³⁷

Bagaimana pun al-Zamakhsyārī mengutarakan pendapatnya tentang perkara ini di dalam *al-Kasyāf* bahawa tujuan al-Quran memerintahkan supaya siksaan itu disaksikan oleh segolongan orang beriman ialah supaya hukuman tersebut

³⁷ Wahbah al-Zuhayly, *op.cit*, hal 64

menjadi makluman serta pengikitanan ramai. Jadi mereka yang menyaksikannya juga mestilah satu jumlah yang dikira mencapai matlamat untuk menghebahkan kepada masyarakat umum. Oleh itu tujuan itu tidak mungkin tercapai hanya dengan disaksikan oleh seorang atau dua orang sahaja. Dengan itu wajarlah pandangan Ibn 'Abbas bahawa bilangan itu hendaklah antara empat hingga empat puluh orang atau lebih orang-orang yang beriman dengan Allah.³⁸

Professor Dr. Anwarullah dalam bukunya *The Criminal law of Islam* berpendapat perkataan *ṭā'ifah* yang digunakan dalam al-Quran tersebut tidak semestinya merujuk kepada satu bilangan saksi-saksi yang ramai, tetapi cukuplah disaksikan oleh beberapa orang yang mana boleh menunjukkan bahawa hukuman tersebut telah dibuat secara terbuka iaitu ditempat yang terbuka kepada orang ramai.³⁹ Jadi di sini persoalan bilangan orang yang akan menyaksikan pelaksanaan itu tidak perlu menjadi isu lagi. Penulis melihat pandangan ini merupakan satu pandangan yang praktikal serta mencakupi pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh fukaha terdahulu.

3.2 PELAKSANAAN SEBAT MENGIKUT UNDANG-UNDANG JENAYAH DI MALAYSIA

3.2.1 Pelaksanaan Mengikut Kanun Prosedur Jenayah

Pelaksanaan hukuman sebat di bawah undang-undang jenayah sivil di seluruh Malaysia tertakluk kepada kaedah-kaedah yang termaktub dalam Kanun Prosedur

³⁸ al-Ṣābūnī (1997). *op cit.* hal.39-40

³⁹ Anwarullah (Prof. Dr.), (1997). *The Criminal Law of Islam*, Kuala Lumpur : A.S Noordeen, hal. 143

Jenayah⁴⁰. Selain itu Akta Penjara 1995 melalui Peraturan-Peraturan Penjara tahun 2000⁴¹ serta pekeliling-pekeliling daripada Ibu pejabat Penjara Malaysia juga akan dirujuk. Perbincangan akan memfokuskan kepada masa pelaksanaan, alat yang digunakan untuk menyebat, sasaran sebat, tempat, syarat-syarat semasa hukuman hendak dijalankan dan pengecualian hukuman. Umumnya banduan-banduan yang akan disebat tidak dimaklumkan tidak akan diberitahu tentang masa dan tarikh mereka akan dijatuhi hukuman sebat. Begitu juga dengan pegawai yang dilantik untuk melaksanakan hukuman tersebut. Pada hari di mana hukuman itu akan dijalankan banduan yang terlibat akan dibawa ketempat berkenaan. Di sana pegawai-pegawai sebat rotan akan berada dalam satu barisan dan seorang Pegawai Pengusa akan memilih salah seorang daripada mereka untuk menjalankan hukuman sebat pada hari itu. Tindakan sedemikian bertujuan mengelakkan sebarang pakatan serta gejala rasuah berlaku antara banduan dengan pegawai sebat rotan.⁴²

3.2.1.1 Masa Pelaksanaan Hukuman Sebat

Dari segi masa untuk menjalankan hukuman, apabila seseorang tertuduh dikenakan hukuman sebat sebagai tambahan kepada hukuman penjara, maka hukuman tersebut hendaklah dijalankan apabila tamat tujuh hari dari tarikh hukuman itu ditetapkan. Sekiranya hukuman penjara yang dikenakan ialah sebanyak empat belas hari, maka mestilah tamat tempoh empat belas hari daripada tarikh hukuman. Sekiranya tertuduh membuat rayuan, mestilah menunggu sehingga

⁴⁰ Akta 593

⁴¹ No.18 P.U (A) 325

⁴² Hasil temu bual bersama IPP Masran Mohammad,*op.cit*

hukuman tersebut di sahkan oleh mahkamah rayuan.⁴³ Hukuman sebat mestilah dijalankan seberapa segera selepas tamat tempoh tujuh atau empat belas hari dalam mana-mana keadaan yang berkenaan. Bagi kes rayuan pula hendaklah dijalankan dengan segera sebaik sahaja menerima perintah daripada mahkamah rayuan.⁴⁴ Sekiranya berlaku kes di mana selepas rayuan diputuskan tempoh hukuman penjara telah tamat sedangkan hukuman sebat belum sempat dikenakan, maka peruntukan yang dipakai ialah seksyen 103 Akta Mahkamah Rendah 1984.⁴⁵ yang memberi kuasa kepada pihak penjara atau tempat-tempat lain yang sesuai untuk menahan banduan tersebut daripada dibebaskan bagi tujuan menjalani hukuman sebat rotan.⁴⁶

Waktu di mana hukuman dijalankan kepada para banduan pula terpulang kepada amalan pihak penjara masing-masing. Walau bagaimanapun pada masa ini pihak penjara Malaysia sedang dalam usaha ke arah menyeragamkannya. Di Penjara Kajang misalnya hukuman sebat akan dijalankan pada hari Jumaat. Waktu yang ditetapkan di sini ialah waktu pagi kerana waktu tersebut dianggap paling sesuai bagi mengelakkan cuaca panas yang boleh memeritkan lagi kesakitan akibat pukulan yang dikenakan. Secara logiknya pula apabila berlaku luka-luka di dalam keadaan cuaca panas lebih banyak darah akan mengalir keluar.⁴⁷

⁴³ Seksyen 287 [1] Akta 593

⁴⁴ Seksyen 287 [2] *Ibid*

⁴⁵ Akta 42

⁴⁶ Temu bual bersama dengan P&P Sabri bin Ismail di Ibu Pejabat Penjara Malaysia Bukit Wira Kajang pada 25.04.03 jam 11.30 pagi

3.2.1.2 Alat Sebatan

Majistret yang menjatuhkan hukuman sebat ke atas seseorang pesalah mestilah terlebih dahulu menyatakan dengan jelas alat yang akan digunakan bagi tujuan tersebut serta bilangan sebatan yang dijatuhkan. Bilangan sebatan pula hendaklah tertakluk kepada seksyen 388 [5] akta ini.⁴⁸ Rotan yang akan digunakan untuk menyebat pula tidak boleh melebihi diameter 1/2 inci.⁴⁹ Panjangnya pula tidak ditetapkan. Lazimnya ia mengikut kesesuaian pegawai sebat rotan yang bertugas. Tetapi lazimnya panjang rotan ialah satu depa. Di bawah Seksyen 131[5][a] Peraturan-Peraturan Penjara 2000 ada dijelaskan bahawa saiz rotan untuk pesalah dewasa hendaklah tidak boleh melebihi 1.25 sm garis pusatnya. Alat-alat dari jenis yang lain selain daripada rotan tidak dibenarkan. Begitu juga hukuman sebat dengan menggunakan jari ampai telah dihapuskan.⁵⁰

Alat sebatan adalah berbeza bagi kes-kes mereka yang tertuduh dibawah seksyen 403,404,406,407,408,409 atau 420 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan yang berkaitan dengan penyalahgunaan harta, pecah amanah jenayah dan menipu. Alat sebatan juga berbeza bagi pesalah-pesalah muda. Bagi kes-kes yang berkenaan dengan seksyen-seksyen tersebut serta pesalah muda, rotan yang digunakan mestilah rotan halus dan hukuman dijalankan secara disiplin sekolah.⁵¹ Saiz rotan yang akan digunakan untuk pesalah muda (pesalah bawah umur) ialah diameter $\frac{1}{4}$ inci iaitu lebih kecil berbanding pesalah dewasa. Selain itu aspek-aspek

⁴⁷ Temu bual bersama IPP Masran Mohammad di Penjara Kajang , Selangor pada 25.04.03 jam 10.00 pagi.

⁴⁸ Seksyen 288[1] Akta 593 :

⁴⁹ Seksyen 288[2] *Ibid*

⁵⁰ Seksyen 4 Akta 345

⁵¹ S288 [4] Akta 593

penjagaan kesihatan para banduan turut diambil kira, seperti bagi mencegah berlaku jangkitan penyakit berjangkit. Di Penjara Sungai Buloh, bermula 1995 peraturan menghadkan satu alat sebatan hanya untuk seorang pesalah sahaja bagi mengelakkan jangkitan penyakit berjangkit seperti HIV dan sebagainya. Ini kerana pesalah-pesalah yang disebat ramai yang terdiri daripada mereka yang berisiko tinggi seperti penagih dadah dan sebagainya.⁵² Langkah berjaga-jaga juga dibuat di Penjara Kajang di mana rotan yang telah digunakan akan direndam di dalam air yang telah dimasukkan ubat untuk mematikan kuman bagi memastikan tidak berlaku jangkitan terhadap sebarang penyakit.⁵³

Bagi pesalah muda yang disabitkan di atas mana-mana kesalahan yang boleh dihukum denda atau penjara, mahkamah boleh sebagai menggantikan hukuman penjara kerana tidak membayar denda itu menjatuhkan hukuman penjara, memerintahkan pesalah itu sekiranya lelaki disebat dengan rotan halus tidak lebih daripada sepuluh kali sebatan. Sebatan itu hendaklah dilaksanakan di dalam kawasan bangunan mahkamah dan jika dikehendaki, di hadapan ibu bapa atau penjaga pesalah itu.⁵⁴

3.2.1.3 Sasaran sebat

Semua pukulan sebat adalah mengikut arahan menteri yang bertanggungjawab berkenaan dengan keamanan dan ketenteraman awam dari semasa ke semasa

⁵² Temubual tidak formal dengan Encik Abdul Malik Abdul Hamid di kediaman beliau pada 18 September 2000 jam 8.30 malam. Beliau adalah seorang Pegawai Penjara ber pangkat Sarjan serta mempunyai pengalaman sebagai Pegawai Sebat Rotan di Penjara Sungai Buloh selama 6 tahun semasa temubual diadakan.

⁵³ Temubual bersama IPP Masran Mohammad, *op.cit*

⁵⁴ S 293 [1] [c] Peraturan-Peraturan Penjara 2000

(Menteri Keselamatan dalam Negeri).⁵⁵ Walau bagaimana pun bahagian anggota badan pesalahlah yang menjadi sasaran sebat. Kanun ini juga tidak mensyaratkan sebatan itu mengenai keseluruhan badan orang yang dijatuhkan hukuman tadi. Di bawah peraturan penjara yang wujud sekarang, sebat hanya dikenakan ke atas punggung sahaja malahan melarang menyebat pada bahagian selain daripada punggungnya. Secara jelas Peraturan-Peraturan Penjara 2000⁵⁶ menyebut bahawa hukuman sebat dengan rotan hendaklah dikenakan pada punggung pesalah itu. Seseorang pesalah yang akan disebat akan diikat pada satu palang dalam keadaan berdiri serta tidak memakai pakaian kecuali sejenis cawat khas yang menutupi kemaluan pesalah sahaja. Seterusnya satu alat atau kain getah yang dilubangkan berbentuk segi empat ditengahnya akan diikat pada punggung pesalah. Kawasan yang dilubangkan itulah yang akan menjadi sasaran sebat pegawai sebat rotan. Terpulanglah kepada pegawai tersebut samada hendak memfokuskan di satu tempat atau tempat-tempat yang berlainan dalam kawasan yang dibenarkan itu. Kajian mendapati sebatan yang dikenakan akan membentuk tiga garisan pada punggung pesalah. Ia bererti sebatan kali pertama akan membentuk satu kesan garisan. Sebatan yang kedua akan membentuk garisan yang kedua selang beberapa inci daripada garisan pertama . Ia diikuti oleh garisan ke tiga yang terbentuk melalui sebatan ketiga. Sekiranya seseorang banduan dijatuhi lebih daripada tiga sebatan, maka sebatan kali keempat akan jatuh pada garisan pertama begitulah yang kelima dan seterusnya.⁵⁷

⁵⁵ S289 Akta 593 :

⁵⁶ S 131 [4] Akta 325

⁵⁷ Hasil temu bual bersama IPP Masran, *op.cit.* Teknik sebatan dan kesan sebatan ini telah ditunjukkan di ruangan pameran hukuman sebat rotan Penjara Kajang .

Sebatan akan dimulakan oleh pegawai yang bertugas apabila Timbalan Penguasa Penjara mula membilang “satu”, maka pegawai sebat rotan akan menyebat dengan satu sebatan. Begitulah seterusnya sehingga tamat bilangan sebatan yang dikenakan atau sehingga terdapat arahan berhenti daripada doktor atau pegawai perubatan kerajaan yang hadir pada masa itu. Tempoh selang masa daripada satu bilangan kepada satu bilangan bergantung kepada persediaan diri pegawai sebat rotan terbabit. Beliau dibenarkan untuk mengambil masa selang beberapa minit untuk meneruskan sebatan yang seterusnya serta tidak dipaksa supaya menyebat bertalu-talu. Apabila satu pukulan telah dilepaskan ia tetap dikira sebagai satu pukulan yang dikenakan walaupun tidak tepat pada sasarnya. Mana-mana pukulan yang tersasar tidak boleh diganti lagi dengan pukulan yang lain. Apabila seseorang pegawai sebat rotan tersilap sasaran semasa mengenakan sebatan atau tersalah membuat hayunan, reputasinya akan terjejas dan dia akan disiasat bagi memastikan tidak berlaku rasuah atau penyelewengan.⁵⁸

3.2.1.4 Kekuatan Pukulan

Di penjara-penjara Malaysia tidak terdapat satu ketentuan sejauh mana seseorang itu boleh menggunakan kekuatannya semasa menjalankan hukuman sebat ke atas banduan sebat rotan. Walau bagaimana pun pegawai-pegawai sebat rotan telah dilatih serta diajar cara-cara pukulan yang dikehendaki oleh pihak penjara serta tidak bercanggah dengan arahan-arahan dalam surat pekeliling. Kesannya kajian mendapati kesan sebatan pada punggung banduan adalah hampir sama semuanya. Jarang didapati pukulan yang melintang atau sebagainya. Garisan yang terbentuk sama semuanya scolah-olah telah diukur terlebih dahulu! Walau pun tidak

⁵⁸ Hasil temu bual bersama PPP Sabri bin Ismail, *op.cit*

dinyatakan tahap kekuatan yang boleh digunakan tetapi mereka tertakluk kepada syarat hayunan dalam pekeliling penjara iaitu sesuatu hayunan tidak boleh melebihi 190 darjah. Ini bererti had maksimum tangan diangkat ialah melebihi sedikit daripada aras kepala. Hayunan setinggi itu akan dilepaskan ke sasarnya iaitu punggung.⁵⁹ Selepas rotan itu dilepaskan, rotan tersebut akan ditarik semula dan bukannya diangkat. Melalui cara ini sekali lagi banduan akan merasai keperitannya kerana rotan ditarik di atas bekas sebatan yang kemungkinan besarnya telah mengalami luka-luka. Biasanya selepas tiga pukulan tempat yang disebut akan luka dan berdarah. Kawasan kelilingnya akan menjadi biru, lebam dan bengkak. Bagi pesalah muda rotan tidak akan ditarik sebaliknya diangkat.⁶⁰

3.2.1.5 Pakaian Semasa menjalani Hukuman

Semasa menjalani hukuman sebat didapati banduan tidak dipakaikan dengan apa-apa pakaian kecuali sehelai cawat yang boleh menutupi kemaluan mereka sahaja. Berdasarkan maklumat yang diperolehi dasar tidak berpakaian ini bukanlah ditentukan oleh mana-mana peraturan atau undang yang berkait dengan hukuman sebat rotan di Malaysia. Sebaliknya ianya hanyalah suatu amalan yang diamalkan sejak sekian lama dengan anggapan berkeadaan sedemikian memberi keselesaan yang lebih kepada banduan.⁶¹ Ini agak menghairankan kerana suatu cara telah diguna pakai sekian lama tanpa adanya ketetapan undang-undang atau peraturan yang jelas. Dihukum dihadapan beberapa orang dalam keadaan tidak berpakaian

⁵⁹ Hayunan (*swing*) hanya akan dibuat sekirannya sebatan dikenakan kepada pesalah dewasa sahaja. Manakala bagi pesalah muda tidak berlaku hayunan . Ini kerana terdapat perbezaan maksud istilah “whipping” dengan “canning”. Merotan secara “canning” biasanya berlaku kepada pelajar sekolah atau pesalah muda dan juga jenayah kolar putih.

⁶⁰ Temu bual dengan PPP Sabri Ismail,*op.cit.*

⁶¹ Temu bual bersama IPP Masran bin Mohammad,*op.cit*

merupakan satu perkara yang amat mengaibkan lebih-lebih lagi sekiranya banduan tersebut merupakan seorang yang beragama Islam. Cara sedemikian juga sangat bertentangan dengan nilai ketamadunan, kemanusiaan serta spiritual. Apabila nilai maruah dan harga diri seseorang telah terjejas dalam sesuatu situasi, bagaimakah dia akan merasa selesa. Berdasarkan keadaan-keadaan tadi kajian ini berpendapat seseorang yang dihukum sebat tanpa berpakaian yang boleh menutupi auratnya telah menerima hukuman tambahan iaitu selain daripada deraan fizikal, dia juga telah didera dari segi mental dan spiritualnya. Apa yang dibimbangi ialah ianya akan menyebabkan timbul rasa benci dan dendam sehingga banduan itu menanamkan azam ke dalam dirinya “alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan” seterusnya membawa sifat bebal dan kebal yang mendorong mereka meneruskan kehidupan sebagai penjenayah di masa akan datang.

3.2.1.6 Tempat Pelaksanaan Hukuman Sebat

Kanun Prosedur Jenayah menetapkan bahawa tempat di mana hukuman sebat akan dijalankan serta masa pelaksanaannya adalah terakluk kepada tempat dan masa sebagaimana yang diarahkan oleh majistret.⁶² Di penjara Sungai Buluh, lazimnya banduan yang akan disebat dibawa ke satu kawasan lapang yang bertutup dengan pagar tinggi serta terlindung daripada pandangan orang lain yang dikhaskan dalam penjara. Semasa hukuman dijalankan tiada siapa yang dibenarkan melihat kecuali para pegawai yang bertugas serta beberapa kakitangan yang terlibat seperti pegawai rekod dan lain-lain. Mereka yang tidak berkenaan

:

⁶² S286 [Akta 593]

dilarang sama sekali memasuki kawasan tersebut.⁶³ Di Penjara Kajang hukuman sebat rotan dibuat di dalam kawasan khas, bertutup serta berbumbung yang mana terletak berhampiran dengan pusat kesihatan penjara. Dengan adanya kawasan berbumbung ini hukuman tetap dapat dijalankan walaupun cuaca hujan atau panas. Manakala kedudukan yang berdekatan dengan pusat kesihatan penjara pula membolehkan rawatan segera dibuat sekiranya terdapat masalah seperti pengsan dan sebagainya.⁶⁴

3.2.1.7 Syarat-Syarat Semasa Hendak Menjalankan Hukuman

i. Kehadiran Pegawai Perubatan

Hukuman sebat mestilah dijalankan dengan kehadiran pegawai perubatan. Terlebih dahulu beliau perlu memeriksa keadaan kesihatan banduan dan membuat satu pengesahan taraf kesihatan pesalah samada layak atau tidak untuk menjalani hukuman. Sekiranya didapati kurang sihat hukuman ditangguhkan terlebih dahulu. Setelah hukuman dilaksanakan, kemudian pegawai perubatan mendapati pesalah tidak sihat lagi untuk disebat, maka baki hukuman hendaklah diberhentikan. Menurut amalan biasa apabila doktor mengisyiharkan wujud keadaan bahaya, baki sebatan selebihnya dikira hangus. Walau pun begitu senario ini amat jarang berlaku kerana pegawai perubatan biasanya akan dapat mengenal pasti samada pesalah terbabit pura-pura pengsan atau betul-betul kritikal. Tetapi apabila sebat dikenakan di bawah seksyen 293, kehadiran pegawai perubatan adalah tidak dikehendaki, tetapi mahkamah mestilah terlebih dahulu berpendapat

⁶³ Temubual dengan Encik Abdul Malik, *op.cit*
⁶⁴ Temu bual bersama IPP Masran Mohammad ,*op.cit*

pesalah itu sihat untuk menjalani hukuman tersebut.⁶⁵ Selepas hukuman dijalankan sekali lagi pegawai perubatan dikehendaki membuat laporan berkaitan dengan keadaan banduan sebelum dan selepas disebat, jumlah bilangan sebatan yang telah dikenakan dan membuat ulasan sekiranya banduan terbabit terpaksa diberhentikan hukuman.

Bagi kes di mana pegawai perubatan berpendapat hukuman sebat tidak dapat dijalankan keseluruhan atau sebahagian daripadanya, pesalah akan ditahan sehingga mahkamah yang menjatuhkan hukuman itu menyemak dan mahkamah tersebut boleh dengan budi bicaranya samada meremitkan hukuman itu atau memenjara pesalah sebagai ganti kepada hukuman sebat atau sebaliknya sebahagian daripada hukuman sebat yang tidak dijalankan bagi tempoh yang boleh berlanjutan sehingga dua belas bulan yang mana tempoh tersebut boleh dijadikan tambahan kepada hukuman-hukuman lain yang boleh dihukum bagi kesalahan yang sama.⁶⁶

ii. Kehadiran Pegawai-Pegawai Penjara

Selain daripada pegawai perubatan hukuman sebat hendaklah dijalankan dengan kehadiran sekurang-kurangnya empat orang pegawai penjara yang terdiri daripada Pengarah Penjara atau wakilnya, pegawai sebat rotan, seorang timbalan penguasa bagi tujuan membilang serta seorang pegawai rekod yang akan merekodkan hukuman yang telah dijalankan. Kajian juga mendapati terdapat seorang pegawai

⁶⁵ S 290 [1],[2],[3] Akta 593

⁶⁶ S291[1] *ibid*

yang akan ditugaskan untuk memegang bahagian kepala banduan semasa hukuman sebat dijalankan.⁶⁷

iii. Membacakan Kesalahan Dan Hukuman yang Telah Dikenakan

Sebelum hukuman dijalankan salah seorang pegawai yang hadir akan membacakan semula surat yang dikeluarkan oleh mahkamah yang mengandungi perintah hukuman terhadap banduan tersebut dihadapannya. Sekiranya banduan mengatakan bahawa beliau tidak membuat apa-apa rayuan lain kepada pihak mahkamah barulah hukuman dibuat. Ini dibuat sebagai satu formaliti sahaja kerana lazimnya perintah menjalankan hukuman hanya akan dibuat selepas segala rayuan selesai dan pihak penjara mendapat surat perintah daipada mahkamah.⁶⁸

iv. Perlantikan Pegawai Sebat Rotan

Prosedur perlantikan seseorang pegawai sebat rotan ialah dengan cara membuat permohonan apabila iklan kekosongan jawatan tersebut dikeluarkan. Seterusnya mereka akan melalui sesi temuduga. Antara kriteria yang diambil kira ialah sifat-sifat keberanian dan kecekalan hati yang ada pada pemohon sebagai persediaan untuk menjalankan tugas tersebut. Ini kerana mereka yang tidak mempunyai semangat yang benar-benar kuat mustahil boleh menjalankan tugas tersebut. Selain daripada itu sifat-sifat jujur dan amanah amat penting diambil kira supaya tiada berlaku penyelewengan. Seterusnya mereka yang berjaya dalam temuduga akan diwajibkan mengikuti kursus sebat rotan bagi memahirkan mereka :

⁶⁷ Temu bual bersama IPP Masran Mohammad,*op.cit*

⁶⁸ *Ibid*

menjalankan tugas itu. Dalam tempoh tersebutlah pegawai-pegawai tadi akan diberikan latihan berkenaan dengan kaedah-kaedah sebat. Pegawai-pegawai sebat rotan berhak mendapat clau sebanyak RM 3 bagi setiap sebatan yang dikenakan.⁶⁹

vii. Satu Hukuman pada Sesuatu Masa

Hukuman sebat hendaklah dijalankan secepat mungkin mengikut tempoh yang ditetapkan. Hukuman yang ditetapkan tidak boleh dibuat secara beransur-ansur. Misalnya seseorang pesalah itu dijatuhi 10 sebatan, maka kesemuanya mesti dijalankan dalam satu masa sahaja. Tetapi sekiranya seseorang itu dijatuhi hukuman sebat dalam pertuduhan yang berlainan, maka ia tidak boleh dibaca secara serentak sebaliknya mestilah secara berasingan. Dalam kes *Public Prosecutor Iwn Peter Ting Chiong King*⁷⁰ hakim mahkamah session telah memerintahkan supaya dua hukuman sebat yang dikenakan ke atas tertuduh dijalankan secara serentak. Dengan keputusan itu pendakwa raya telah mengemukakan rayuan atas alasan menjatuhkan hukuman sebat secara serentak adalah tidak dibenarkan oleh undang-undang. Setelah mendengar rayuan hakim berpendapat bahawa perintah supaya hukuman di baca secara serentak hendaklah diketepikan kerana perbuatan tersebut akan menyebabkan hukuman akan menjadi lebih berat.

⁶⁹ *Ibid*

⁷⁰ [1987], *M.L.J.* 42, 1984 *MLJ LEXIS* 725

v. Pengecualian Sebat

Terdapat beberapa golongan yang diberikan pengecualian menerima hukuman sebat. Mereka ialah pesalah wanita, lelaki yang telah dijatuhkan hukuman mati dan lelaki yang diisyiharkan oleh mahkamah berumur lebih daripada lima puluh tahun.⁷¹ Dalam kes *Public Prosecutor lwn Anuar Layani bin Saidon*⁷² responden telah dijatuhi hukuman penjara 12 bulan serta dua sebatan. Isu yang ditimbulkan ialah samada beliau masih boleh dihukum sebat mengikut seksyen 289 Kanun Acara Jenayah walau pun umur beliau telah mencecah lebih daripada 50. Mahkamah akhirnya memutuskan supaya hukuman sebat diremitkan. Dalam hal ini mahkamah berpendapat bahawa perkataan “boleh dihukum” dalam Seksyen 289 KAJ merujuk kepada umur seseorang pada masa hukuman disabitkan dan pada masa hukuman dijalankan. Dalam hal ini mahkamah berpandangan bahawa satu-satunya remedи yang sesuai adalah menganggap prosiding yang dihadapannya sebagai satu rayuan terhadap hukuman di bawah seksyen 325 dibaca bersama seksyen 316 KAJ serta mengesahkan atau menambahkan tempoh penjara yang telah diperintahkan setelah meremitkan hukuman sebat untuk tiba sehampir-hampirnya kepada seksyen 291[1] yang memperuntukkan prosedur yang diikuti apabila hukuman sebat tidak dapat dilaksanakan.

3.2.1.8 Hukuman Sebat Sebagai Salah Satu Seksaan Bagi Kesalahan Berat

Menurut Mimi Kamariah Abdul Majid hukuman sebat adalah sejenis hukuman fizikal yang akan dikenakan ke atas seseorang yang melakukan jenayah-jenayah

:

⁷¹ Seksyen 289 Kanun Acara Jenayah

⁷² 2001-3 *M.L.J* 515; 2001 *M.L.J ILEXIS* 627

yang besar bahaya serta kemudaratannya kepada masyarakat atau negara. Dalam masalah ini hakimlah yang akan membuat pertimbangan apakah ianya dikategorikan sebagai berat atau ringan dan seumpamanya berdasarkan tahap keseriusan jenayah yang dilakukannya. Secara umumnya apabila sesuatu kesalahan itu boleh dikenakan sebat ia termasuk sebagai kesalahan berat. Contohnya kesalahan rogol. Dalam kes *Ong Lai Kim Iwn Public Prosecutor and other appeals*⁷³. Fakta kes ialah mengenai rayuan tiga orang perayu yang telah disabit dengan kesalahan merogol dan merompak. Perayu pertama telah dihukum 10 tahun penjara dan 10 sebatan dengan rotan ringan bagi kesalahan merogol dan 8 tahun penjara serta 4 kali sebatan dengan rotan ringan bagi kesalahan merompak. Perayu kedua pula dikenakan 15 tahun penjara dan 4 kali sebat bagi rogol serta 4 kali kali sebat bagi kesalahan merompak. Perayu ketiga telah dihukum 15 tahun penjara dan 10 pukulan sebat. Rayuan yang didengar di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur itu telah ditolak. Hukuman sebat dengan rotan ringan terhadap perayu pertama telah diganti dengan sebatan menggunakan rotan pesalah dewasa. Mengenai kes ini hakim Zakaria Yatim berpendapat :

“In this case therefore the punishment has to be sufficiently harsh and proportionate to the harm done, otherwise society will feel that the punishment is manifestly inadequate. The punishment must also reflect public disapproval of the crime committed by the appellants. Similarly, the punishment for the robbery offence must also be deterrent in nature. The appellants are no doubt first offenders but as they have been convicted a serious crime involving violence, the primary consideration of the court is the element of public interest and society's abhorrence of this type of crime...”⁷⁴

⁷³ [1991] M.L.J.LEXIS 179

⁷⁴ Ibid

Begitu juga dalam kes *Cohen Lorraine Philis & Anor Iwn Public Prosecutor*⁷⁵. Kes telah didengar di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Perayu-perayu telah ditahan di bawah seksyen 39 [b] Akta Dadah Merbahaya 1952 selepas dijumpai heroin berjumlah 140.76g dan 34.61g disembunyikan di dalam pakaian dalam mereka. Selepas perbincaraan Yang Arif hakim telah mendapati perayu pertama bersalah dan dikenakan hukuman mati. Perayu kedua pula dikenakan hukuman di bawah seksyen 39 [a] akta yang sama dan dihukum penjara seumur hidup serta enam kali sebatan. Semasa kes rayuan didengar kedua-dua perayu mengatakan mereka adalah penagih dan dadah-dadah yang dibawa adalah untuk kegunaan mereka sendiri. Menurut Cohen Lorraine Philis, semasa ditahan beliau memerlukan 4 hingga 8 g heroin sehari. Manakala Cohen Aaron Shelton pula mengaku mula menagih heroin semasa berumur 15 tahun lagi. Ketagihannya mula meningkat apabila berada di Penang kerana bahan tersebut senang didapati dengan harga yang murah. Keterangan mereka ini telah disokong oleh laporan perubatan setelah pemeriksaan dilakukan ke atas kedua-duanya. Setelah mendengar kes tersebut, mahkamah memutuskan supaya hukuman mati ke atas perayu pertama dibatalkan dan diganti dengan hukuman penjara seumur hidup. Manakala rayuan bagi perayu kedua adalah ditolak. Ini kerana Yang Arif hakim telah mengambil kira latarbelakang perayu pertama yang merupakan seorang penagih tegar berdasarkan keterangan-keterangan pakar perubatan. Dalam kes ini pengakuan membawa dadah untuk kegunaan peribadi semata-mata tidak boleh dijadikan alasan untuk dibebaskan sebaliknya jumlah heroin yang dibawa juga turut diambil kira. Kes ini menunjukkan bahawa kesalahan mengedar dadah adalah satu kesalahan yang berat menurut undang-undang negara ini. Lantaran itu walaupun hakim telah mendengar dan akhirnya menerima rayuan pihak defenden

⁷⁵ [1989] 3 M.L.J. 289

tetapi hakim juga telah mengekalkan hukuman penjara dan sebat ke atas mereka sebagai satu hukuman bagi kesalahan berat selepas hukuman mati tidak dikenakan.

Begitu juga apabila sesuatu jenayah itu berleluasa dalam masyarakat, hukuman sebat adalah salah satu bentuk hukuman yang lazimnya dikenakan oleh para hakim. Tujuannya ialah supaya dapat memberi pengajaran kepada masyarakat sekaligus dapat membendung jenayah tersebut daripada berleluasa lagi. Ini dapat dilihat dalam kes : *Lee Chow Meng Iwn Public Prosecutor*⁷⁶. Kes ini merupakan kes kesalahan rompakan bersenjata, memiliki senjata api dan memiliki amunisi. Bagi kesalahan-kesalahan yang diidakwa mahkamah menjatuhkan hukuman-hukuman berikut iaitu :

- i) tujuh tahun penjara dan lima kali sebat
- ii) sepuluh tahun penjara dan enam kali sebat
- iii) dan tujuh tahun penjara

Keseluruhannya tertuduh dikenakan hukuman 24 tahun penjara dan sebat sebanyak 11 kali bagi semua kesalahan yang disabitkan. Apabila rayuan dikemukakan di mahkamah rayuan, presiden mahkamah rayuan telah juga mengekalkan hukuman itu dengan alasan jenayah seumpama itu telah menjadi satu wabak yang berleluasa dalam masyarakat sekaligus menggugat ketenteraman awam.

Aspek kepentingan awam serta objektif pencegahan turut menjadi faktor yang diambil kira dalam kes *Public Prosecutor Iwn Darmalingam*.⁷⁷ Fakta kes ialah responden telah dijatuhki hukuman penjara selama lima tahun serta sebatan

⁷⁶ [1976] M.L.J 387

⁷⁷ [1987] M.L.J LEXIS 308

sebanyak enam kali bagi kesalahan di bawah seksyen 12 [2] Akta Dadah merbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah seksyen 39A. Berikutan daripada itu Pendakwa raya telah mengemukakan rayuan terhadap hukuman yang dikenakan sebagai secara terang tidak mencukupi serta berpendapat bahawa mahkamah rendah tidak menekankan aspek pencegahan serta menjaga kepentingan awam semasa memutuskan hukuman tersebut. Akhirnya Mahkamah Rayuan memutuskan supaya hukuman penjara lima tahun dinaikkan kepada 10 tahun manakala sebatan 6 kali dinaikkan kepada 12 kali. Asas penghakiman ialah jumlah dadah yang dibawa sangat banyak, kesalahan yang dilakukan adalah serius, pencegahan jenayah daripada berulang serta berleluasa serta menjaga kepentingan awam. Objektif yang sama telah menjadi asas penghakiman dalam kes *Public Prosecutor Iwn Lee Tak Keong*⁷⁸. Kes ini melibatkan s 395 kanun Keseksaan bagi kesalahan rompak berkumpul. Tertuduh serta 4 orang kawannya telah menahan mangsa serta seorang kawannya lalu merompak wang tunai berjumlah RM 47 serta kad pengenalan mangsa yang disimpan di dalam dompetnya. Mahkamah menjatuhki hukuman penjara selama dua tahun serta ganti rugi sebanyak RM 50 kepada mangsa. Pendakwa raya telah mengemukakan rayuan atas alasan hukuman itu tidak mencukupi serta tidak mengandungi unsur pencegahan (deterrent). Rayuan diterima dan hukuman telah dinaikkan kepada 5 tahun penjara serta 6 sebatan. Antara lain dalam ulasannya hakim Zakaria berkata :

“... the offence of robbery is rampant today and in most cases dangerous weapon are used. In some cases the victim of the robberies sustain injuries. In cases of robbery the court must take into consideration the element of public interest. This meant that the court must impose a deterrent sentence not only to deter the respondent from committing the same offence

⁷⁸ [1988] M.L.J LEXIS 825. Lihat juga dalam kes *Low Thim Fatt Iwn Public Prosecutor* dalam [1988] M.L.J LEXIS 824

again but to deter others from committing the same type of crime...”

Selain dari itu hukuman sebat juga mungkin menjadi pilihan para hakim untuk dikenakan kepada pesalah apabila kesalahan yang mereka lalukan itu mempunyai unsur-unsur ganas, kejam serta mendatangkan kekakacauan. Dalam situasi-situasi yang disebutkan tadi biasanya akan membawa kepada hukuman berat seperti sebat atau penjara maksimum.⁷⁹ Faktor lain yang turut diambil kira dalam menjatuhkan hukuman sebat ialah apabila berlaku pengulangan jenayah yang sama oleh seseorang berdasarkan rekod jenayah yang lalu. Lazimnya dalam kes-kes begini walaupun kesalahan itu bukan kesalahan berat tetapi apabila seseorang itu didapati telah menjadikan perbuatan tersebut sebagai tabiatnya, maka hakim boleh menggunakan budi bicaranya untuk mengenakan hukuman berat sebagai satu bentuk amaran keras serta pembalasan terhadap jenayah yang dilakukannya.⁸⁰ Selain daripada pengulangan, faktor-faktor lain yang boleh memberatkan hukuman ialah melakukan jenayah yang sedang berleluasa, jenayah yang serius seperti mengedar dadah.⁸¹ Dalam kes *Datuk Haji Harun bin Idris & Ors v/wn Public Prosecutor*⁸², status pesalah turut menjadi faktor pemberat hukuman iaitu sekiranya seseorang itu mempunyai status yang lebih tinggi maka lebih berat hukuman akan dikenakan.

⁷⁹ Hashim Mehat (Dr), *op.cit.* hal.326

⁸⁰ Mimi Kamariah Abdul Majid, *op.cit.* hal.414

⁸¹ Hashim Mehat (Dr), *op.cit.* hal. 98.

⁸² [1978] 1 M.L.J. 240

3.2.2 Pelaksanaan Menurut Undang-Undang Jenayah Syariah di Malaysia

3.2.2.1 Realiti Semasa

Sehingga kajian ini dibuat bagi seluruh negeri di Malaysia yang telah memasukkan hukuman sebat dalam Akta /Enakmen jenayah masing-masing didapati hukuman sebat yang dijatuhkan sebagaimana peruntukan yang ada adalah sangat minimum. Negeri Kelantan merupakan satu-satunya negeri yang telah menggunakan pakai peruntukan sebat yang ada dalam Enakmen Jenayah Syariah Kelantan iaitu yang membabitkan kesalahan minum arak serta mukaddimah zina. Menurut Ketua Hakim Syar'ie Kelantan , ia menjadi negeri yang paling awal melaksanakan hukuman sebat kerana pihak negeri telah lebih awal menyediakan draf pindaan. Oleh itu sebaik sahaja Akta 612 diluluskan maka pihak negeri terus mengemukakan cadangannya dan diluluskan. Selepas diluluskan pula Kaedah-Kaedah Hukuman Sebat (Kelantan) 1987 yang memberi garis panduan mengenai kaedah-kaedah pelaksanaan hukum sebat bagi pesalah jenayah syariah.⁸³ Kajian ini mendapati kes-kes yang melibatkan kesalahan minum arak mencatatkan kes yang terbanyak pernah dijatuhi hukuman sebat oleh mahkamah. Contohnya dalam kes bilangan 42/1987 defenden telah dijatuhi hukuman 2 bulan penjara dan 6 sebatan, dalam kes bilangan 8/1989 defenden telah disabitkan hukuman 2 bulan penjara dan 6 sebatan. Manakala dalam kes bilangan 01/1991 defenden telah dikenakan hukuman penjara 6 bulan serta enam sebatan. Selain itu kes melibatkan mukaddimah zina juga antara yang pernah dijatuhi hukuman sebat. Dalam kes bilangan 07/1998 pertuduhan di bawah kesalahan mukaddimah zina bagi kali yang ke dua telah disabitkan dengan hukuman penjara selama 2 bulan, denda RM

⁸³ Temu bual dengan Y.A.A Ketua Hakim Syar'ie Kelantan 16.05.03

800.00 serta tiga sebatan. Walau bagaimana pun selepas rayuan dikemukakan hakim memutuskan supaya perayu dikenakan denda sebanyak RM 1,500.00 dan hukuman penjara selama 6 bulan sekiranya denda tidak dibayar. Dalam kes bilangan 05/1998 satu perbicaraan terhadap kesalahan meminum minuman keras telah mensabitkan hukuman denda sebanyak RM 1000.00 ringgit, penjara 2 tahun serta enam sebatan. Setelah rayuan dikemukakan mahkamah memutuskan supaya perayu dikenakan denda sebanyak RM 1,500.00 sahaja dan hukuman lain digugurkan. Walau bagaimana pun sekiranya perayu gagal membayar denda tersebut, dia mesti ikut keputusan asal mahkamah. Dalam kes bilangan 04/2000, defenden telah disabitkan dengan dua kesalahan iaitu zina yang tidak boleh dikenakan hadd serta mukaddimah zina iaitu di bawah seksyen 10 dan seksyen 12 Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan. Hukuman yang dikenakan ialah bagi kesalahan pertama denda sebanyak RM 1000.00 serta penjara selama setahun dan bagi kesalahan ke dua denda sebanyak RM 2000, penjara selama setahun dan 2 kali sebatan. Kes ini masih dalam proses rayuan.⁸⁴

Beberapa contoh kes yang disebutkan di atas membuktikan bahawa hukuman sebat memang pernah dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah Kelantan tetapi pemakaianya tidak begitu tegas. Ini jelas melalui beberapa contoh kes di mana apabila rayuan dikemukakan didapati hukuman yang disabitkan dipinda kepada hukuman yang lebih ringan dan akhirnya hanya hukuman denda dengan wang sahaja yang terpakai, contohnya dalam kes rayuan bilangan 05/1998 di mana hukuman dua tahun penjara dan enam sebatan telah diketepikan, manakala hukuman denda dinaikkan daripada RM 1,000 kepada RM 1,5000. Di dalam kes

⁸⁴ Maklumat dari fail Mahkamah Tinggi Kota Bharu melalui En Nik Najib bin Che Hassan , Ketua Pendaftar Mahkamah Tinggi/Rayuan Kota Bharu

bilangan 04/2000 pula, mahkamah hanya menjatuhkan hukuman sebat sebanyak 2 kali sahaja sebagai hukuman kombinasi dengan hukuman denda dan penjara. Kita lihat di sini walau pun tertuduh telah disabitkan dengan dua kesalahan iaitu bagi kesalahan di bawah seksyen 10 dan seksyen 12, mahkamah tetap bertolak ansur dalam menjatuhkan hukuman. Walau pun seksyen 12 menetapkan had maksimum hanya tiga sebatan, namun hanya dua sebatan sahaja yang dijatuhkan. Berdasarkan keadaan-keadaan ini dapatlah dirumuskan mengenai kedudukan hukuman sebat serta bilangan sebatan yang dijatuhkan bukanlah bertujuan mendera atau menghukum semata-mata tetapi lebih merupakan satu kaedah pencegahan serta pendidikan terhadap pesalah serta masyarakat awam supaya mereka mengambil pengajaran dan iktibar daripadanya.

Pada masa hukuman ini mula-mula dikenakan terdapat pelbagai reaksi daripada khalayak berbagai peringkat. Ada yang bersetuju dan ada juga yang menentang. Namun selepas ia dilaksanakan hingga kini isu penentangan sudah tidak diperkatakan lagi. Dalam keadaan sikap mahkamah syariah yang sangat bertolak ansur dalam menjatuhkan hukuman itu, masyarakat Islam khususnya di Kelantan sudah mula menerima kebaikan yang hasil daripada pelaksanaan tersebut. Menurut Ketua Hakim Syar'ie negeri Kelantan, kewujudan Enakmen Jenayah Syariah serta pelaksanaan hukuman sebat sedikit sebanyak berjaya mengurangkan kadar jenayah di negeri itu terutamanya yang melibatkan minum arak.⁸⁵ Statistik kes-kes jenayah syariah di Kelantan untuk tahun 1996 hingga 1999 menunjukkan penurun berlaku secara beransur-ansur. Lihat carta dalam **Lampiran II**. Keberkesanan undang-undang jenayah syariah ini juga turut diakui oleh Yang

:

⁸⁵Temu bual bersama Dato' Hj Daud bin Muhammad ,Ketua Hakim Syuar'ie negeri Kelantan pada 16.05.03

Arif Tuan Haji Abdul Aziz bin Muhammad salah seorang bekas Ketua Pegawai Penyelia⁸⁶ yang bertugas melakukan rondaan dan operasi sekurang-kurangnya 2 kali sebulan ke tempat-tempat yang dikehendaki, mendapati penglibatan umat Islam dengan kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang jenayah syariah begitu banyak berkurangan berbanding sebelum tahun 1987. Paling ketara sekali ialah jenayah minum arak yang mana sebelumnya sangat banyak berlaku di hotel-hotel dan tempat-tempat tertentu menjadi semakin berkurangan.⁸⁷

Satu persoalan yang timbul selepas meneliti perkara ini ialah mengapa negeri-negeri lain masih belum menggunakan pakai peruntukan sebat yang ada? Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Ketua Hakim Syar'ie Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan mengakui bahawa hukuman sebat masih belum diguna pakai namun demikian beliau berpendapat kejayaan memasukkan hukuman sebat sebagai satu peruntukan di bawah Akta Kesalahan Jenayah Syariah itu sudah menjadi satu langkah pencegahan yang amat penting walaupun kedudukannya hanyalah sebagai hukuman takzir.⁸⁸ Menurut beliau soal pemakaian hukuman sebat tidak timbul kerana kedudukannya yang tidak bersifat mandatori dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997. Oleh itu terserah kepada budi bicara hakim samada hendak menjatuhkan hukuman tersebut atau tidak melalui pertimbangan atau ijтиhad yang tersendiri setelah membuat pertimbangan yang semasak-masaknya. Oleh kerana ia merupakan hukuman yang berat maka untuk menjatuhkannya juga hendaklah bagi kesalahan jenayah yang serius. Apa

⁸⁶ Sekarang dinamakan Ketua Pegawai Penguatkuasa.

⁸⁷ Y.A merupakan salah seorang hakim di Mahkamah Tinggi Kota Bharu. Temubual dengan beliau telah diadakan di pejabatnya pada 21.11.2000, jam 3.30 petang. Beliau berpengalaman menjadi Ketua Pegawai Penyelia dari tahun 1992 hingga 1996.

⁸⁸ Temubual dengan Yang Amat Arif Tu Hj Hussin Bin Ahmad , Ketua Hakim Syar'ie Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 11.10.2000 jam 11.00 pagi

yang lebih penting ialah aspek maslahah dapat dicapai daripada sesuatu hukuman yang diputuskan. Menyentuh mengenai Akta Prosedur Jenayah Syariah [Akta 560] beliau berpendapat masih perlu kepada satu penyelidikan yang lebih terperinci terhadap kaedah-kaedah pelaksanaan hukuman sebat yang sedia ada supaya hukuman sebat yang dijatuhkan itu dapat dilaksanakan secara Islam yang sebenar, bukannya sebat seperti mana yang di amalkan dipenjara sivil.⁸⁹ Dari segi keberkesanan, kajian mendapati selepas Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dikuatkuasakan pada 1 April 1997 telah sedikit sebanyak membantu menurunkan kadar jenayah di negeri tersebut. Hal yang sama diakui oleh seorang Pegawai di Bahagian Pendakwaan dan Penguatkuasaan JAWI.⁹⁰ Mengenai bilangan pendakwaan terhadap kes-kes sebat beliau mengakui lazimnya pendakwaan kurang dibuat terhadap kes-kes yang melibatkan hukuman sebat disebabkan oleh masalah mengemukakan pembuktian yang berat. Merujuk kepada statistik jenayah syariah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, didapati terdapat juga kes-kes pelacuran dan persetubuhan luar nikah yang dilaporkan tetapi tiada hukuman sebat yang dijatuhi. Kadang kala bagi memudahkan proses pendakwaan pindaan pertuduhan dibuat. Contohnya seseorang yang ditahan kerana melakukan kesalahan persetubuhan luar nikah,⁹¹ pendakwaan biasanya akan dibuat di bawah kesalahan khalwat⁹² atau pun persediaan melakukan hubungan luar nikah sahaja.⁹³ Daripada penjelasan beliau, kajian merumuskan bahawa selain daripada masalah kaedah yang dikatakan belum lengkap, faktor yang menyebabkan pemakaian peruntukan tidak berlaku

⁸⁹ *Ibid.*

⁹⁰ Satu temu bual telah dibuat bersama Ustaz Abdul Khawi Che Abdul Rahman di Pejabat beliau pada 4/10/2000 jam 10.00 pagi

⁹¹ Seksyen 23[Akta 559]

⁹² S 27[Akta 559]

⁹³ S 24[Akta 559]

juga dikaitkan dengan dengan soal pembuktian yang sukar. Adakalanya disebabkan oleh peruntukan hukuman yang tidak berbaloi menyebabkan pendakwaan lebih sesuai dibuat di mahkamah sivil seperti hukuman bagi kesalahan sumbang mahram. Profesor Madya Dr. Mohd Amin al-Jaromi⁹⁴ turut berpendapat sedemikian di mana antara dilema yang dilihat dalam proses pelaksanaan undang-undang jenayah Islam yang diputuskan di mahkamah syariah ialah masih tertakluk kepada kaedah pembuktian hudud walau pun kes itu ialah hanyalah disifatkan kes takzir. Ia akan menyebabkan pendakwaan amat sulit dan pensabitan mungkin tiada.

Sementara itu kebanyakan negeri-negeri setakat kajian ini dibuat bermula tahun 2000 hingga 2002 sedang dalam proses mengkaji kaedah sebatan secara syariah untuk dilaksanakan. Didapati, bermula daripada 1984 hingga akhir tahun 2002 iaitu sudah lebih dari sepuluh tahun hanya beberapa negeri sahaja yang sudah menyediakan kaedah sebat secara syariah. Ini lah satu kelemahan yang terdapat pada badan-badan perundangan syariah negeri-negeri kerana mengambil masa yang terlalu panjang untuk mengkaji kaedah pelaksanaan hukuman sebat masing-masing. Kajian mendapati kaedah sebat yang ada dalam Enakmen Kanun Prosedur Jenayah di Wilayah Persekutuan, Johor, Pulau Pinang dan juga Terengganu dan Kelantan adalah hampir sama antara satu sama lain. Ia juga seharusnya dipandang penting untuk disegerakan di negeri-negeri lain. Sekiranya peruntukan yang diberi tidak digunakan dibimbangi usaha-usaha ke arah meninggikan taraf mahkamah syariah akan menghadapi masalah.

:

⁹⁴ Beliau ialah seorang pensyarah perundangan Islam di UiTM Shah Alam. Temu bual dengan beliau telah dibuat di pejabat beliau pada 26.11.02 jam 11.30 pagi

Secara umumnya hukuman yang paling banyak dijatuhi oleh mahkamah-mahkamah syariah ialah hukuman denda jika ia merupakan kesalahan pertama. Sekiranya kesalahan itu bagi kali yang kedua barulah dikenakan hukuman denda dan penjara. Ini kerana kesalahan terbabit disifatkan sebagai takzir, bukannya hudud. Oleh itu bidang kuasa menjatuhkan hukuman bergantung kepada pertimbangan budi bicara para hakim dan tidak wajar dipertikaikan.⁹⁵ Berdasarkan kenyataan tersebut, satu isu yang berbangkit ialah bolehkah kesalahan-kesalahan yang terdapat dalam Akta/Enakmen Jenayah Syariah di Malaysia dikatakan sebagai takzir? Dalam hal ini kita harus merujuk kepada ciri-ciri serta syarat-syarat hukuman takzir itu sendiri. Pada pandangan para hakim yang telah ditemu bual mereka menganggap kesalahan-kesalahan tersebut ialah takzir kerana hukuman yang dikenakan tidak memenuhi kriteria hukuman *hadd* dan dibuat oleh pihak pemerintah untuk mencapai maslahah kepada masyarakat.⁹⁶

Secara umumnya istilah takzir merujuk kepada kesalahan-kesalahan yang tidak dinyatakan ketentuannya oleh syarak. Oleh itu ia menjadi hak pihak berkuasa (*ulil Amri*). Di atas konsep ini ada fikaha berpendapat bagi kesalahan yang mana hukumannya telah dinyatakan secara tetap seperti kesalahan zina atau qadhaq tetapi tidak boleh disabitkan dengan hukuman *hadd* kerana tidak mencukupi syarat dan sebagainya, hukuman *badaniyyah* seperti pukul atau sebat sepatutnya lebih diutamakan supaya aspek pencegahan lebih tercapai.⁹⁷ Dalam pada itu ada pendapat yang mengatakan parkis yang ada di mahkamah syariah hari ini tidak memenuhi ciri-ciri takzir. Dr Mahfodz Mohamad (1985)

⁹⁵ Temu bual bersama Y.A.A⁷ Tn Hj.Hussin Ahmad, Ketua Hakim Syarie Wilayah Persekutuan,*op.cit*

⁹⁶ *Ibid*

memberikan beberapa alasan terhadap masalah ini antaranya ialah kerana hukuman takzir yang ada dalam Akta/Enakmen itu bukan hanya bersumberkan kepada sumber perundangan Islam sebaliknya turut merujuk kepada perlombagaan dan undang-undang adat tempatan. Apabila berlaku percanggahan, perlombagaan negara akan mengatasi segala-galanya. Ini menunjukkan limitasi bidangkuasa mahkamah syariah dalam menjatuhkan hukuman sedangkan seseorang hakim sepatutnya diberi bidangkuasa budi bicara yang luas dalam memilih menjatuhkan hukuman takzir supaya sesuai dengan objektifnya dalam Islam.⁹⁸ Isu kedua yang timbul ialah sekiranya kita menerima bahawa kesalahan atau hukuman jenayah syariah yang ada ini sebagai takzir, bolehkah hukuman dengan denda dikenakan sedangkan kesalahan-kesalahan itu menyentuh mengenai moral, bukannya kesalahan-kesalahan yang memerlukan ganti rugi dengan harta. Menurut pendapat Ketua Hakim Syar'ie Kelantan, ianya diharuskan atas alasan ia menjadi hak pemerintah menentukan apa-apa jenis hukuman mengikut keadaan semasa dari pelbagai aspek termasuklah ekonomi dan sosial masyarakat.⁹⁹ Pandangan ini selaras dengan pendapat Ibn Qayyim al-Jawziyyah iaitu harus mengenakan takzir dengan harta benda sekiranya cara tersebut boleh mencapai maslahah.¹⁰⁰

⁹⁷ al-Kasani (1997), *op.cit*

⁹⁸ Mahfodz Mohamad(Dr.) (1985), *Jinayah Dalam Islam : satu Kajian Ilmiah Mengenai Hukum Hudud*, Kuala Lumpur : Nurin Enterprise, hal. 12-122

⁹⁹ Temu bual bersama Y.A.A Dato' Hj Daud bin Mohammad, *op.cit*

¹⁰⁰ Bakr Ibn 'AbdulLah Abū Zayd (1415 H), *al-Hudud wa al-Takzirât 'Ind Ibn Qayyim*. Tempat : Dâr al-'Aşimah Li al-Nâsyîr wa al-Tawzî'

3.2.2.2 Cara Hukuman Sebat Dijalankan di Kelantan

Oleh kerana Kelantan merupakan satu-satunya negeri yang telah melaksanakan hukuman sebat bagi kesalahan jenayah syariah, maka kajian ini akan membuat perbahasan yang berkisar mengenai pelaksanaan sebat syariah di negeri Kelantan.¹⁰¹ Oleh itu fokusnya ialah mengenai kaedah-kaedah yang digunakan untuk menjalankan hukuman tersebut termasuklah alat sebatan, kedudukan, pakaian, cara sebatan, pegawai yang melaksanakan dan syarat-syarat lain.

i. Alat Sebatan

Kaedah-Kaedah Hukuman Sebat Negeri Kelantan 1987 menjelaskan tentang alat sebatan yang akan digunakan untuk menyebat bagi kesalahan jenayah syariah ialah rotan.¹⁰² Saiz rotan yang akan digunakan untuk menyebat pesalah ialah yang berukuran 1 meter panjang dan 1 sentimeter garis pusat bagi ukurlilitnya.¹⁰³ Berbeza dengan Wilayah Persekutuan didapati Akta 560 menetapkan alat sebatan boleh terdiri daripada dua jenis iaitu rotan atau daripada jenis ranting kecil pokok yang tidak mempunyai ruas atau buku pada hujungnya. Kedua-dua jenis alat tersebut hendaklah mempunyai ukuran yang telah ditetapkan iaitu 1.22 meter panjang dan 1.25 sentimeter tebal.¹⁰⁴ Di kebanyakan negeri-negeri lain didapati menetapkan ukuran yang sama dengan Wilayah Persekutuan. Oleh itu dapatlah dikatakan bahawa saiz rotan yang digunakan di negeri Kelantan merupakan yang

¹⁰¹ Kajian menggunakan istilah "sebat syariah" dengan maksud hukuman sebat yang dikenakan bagi kesalahan-kesalahan jenayah syariah. Ia bukan bermaksud hukuman itu adalah benar-benar mengikut hukum syarak atau tidak.

¹⁰² Seksyen 2 dan seksyen 6, Kaedah-Kaedah Hukuman Sebat Kelantan 1987

¹⁰³ Seksyen 125 [2] Akta 560

¹⁰⁴ Seksyen 125 [2] Akta 560

paling kecil berbanding dengan negeri-negeri lain. Begitu juga dari segi panjang rotan tersebut. Di Kelantan pihak mahkamah syariah bukan sahaja menetapkan saiz rotan tetapi menyediakan rotan tersebut kepada pihak penjara Pengkalan Chepa.¹⁰⁵ Berbanding dengan saiz rotan yang digunakan di penjara sivil didapati saiz rotan yang digunakan untuk menyebat pesalah syariah di negeri Kelantan adalah kecil sedikit berbanding saiz rotan yang digunakan untuk menyebat pesalah muda.¹⁰⁶

ii. Cara Sebatan

Sebatan yang dikenakan mestilah dengan cara yang sederhana. Kesederhanaan itu ialah di mana tukang sebat tidak boleh mengangkat tangannya yang memegang rotan tadi hingga paras kepalanya. Dari segi pukulan pula hendaklah secara berturut-turut dalam jumlah yang ditetapkan oleh mahkamah.¹⁰⁷ Ini bermakna pukulan tidak boleh dibuat secara beransur-ansur sebaliknya hendaklah diselesaikan dalam satu masa sahaja. Selepas pukulan dikenakan maka tukang sebat hendaklah mengangkat rotan tersebut bukan menariknya. Peraturan-peraturan ini adalah dalam makluman pihak penjara. Dalam masalah ini pihak penjara sebenarnya bertindak sebagai pelaksana kepada segala peraturan yang telah ditetapkan tidak kiralah samada peraturan itu datangnya daripada mahkamah syariah atau mahkamah sivil. Setakat hari ini pihak penjara berusaha sedaya upaya untuk mengikut segala peraturan sebat syariah yang ada. Sehubungan dengan itu pihak penjara perlu sentiasa peka kepada apa-apa perubahan atau

¹⁰⁵ Temu bual bersama Dato' Hj. Daud bin Mohammad, Ketua Hakim Syar'ie Kelantan, *op.cit*

¹⁰⁶ Temu bual bersama dengan PPP Sabri Ismail,*op.cit*

¹⁰⁷ Seksyen 8[1], [2] dan [3]

pindaan undang-undang yang berlaku dan akan mendapatkan satu salinan asal undang-undang tersebut untuk dijadikan panduan.¹⁰⁸

iii. Pakaian Semasa Menjalani Hukuman

Kaedah-Kaedah Sebat Kelantan¹⁰⁹ 1987 menetapkan syarat bagi banduan yang akan disebat hendaklah memakai pakaian yang nipis seperti baju yang nipis serta seluar yang boleh menutup aurat mereka sebagai seorang Islam. Hal ini diakui oleh Ketua Hakim Syar'ie Kelantan sebagai telah dipraktiskan untuk banduan jenayah syariah.¹¹⁰

iv. Sasaran Sebat

Sasaran sebatan yang dibenarkan dalam Kaedah-Kaedah Sebat Kelantan ialah seluruh bahagian tubuh kecuali kawasan muka, kepala, perut , dada dan bahagian-bahagian sulit pesalah.¹¹¹ Pesalah lelaki disebat dalam keadaan duduk dan dinyatakan juga bahawa pesalah wanita disebat dalam keadaan duduk. Menurut Y.A.A Ketua Hakim Syar'ie Kelantan, walau pun di dalam enakmen, wanita dikecualikan daripada hukuman sebat tetapi dimasukkan juga peruntukan mengenainya. Tujuan berbuat demikian ialah sebagai satu usaha untuk memperkenalkan kaedah sebatan yang terdapat dalam hukum Islam kepada orang ramai. Begitu juga dengan syarat mengenakan hukuman sebat yang

¹⁰⁸ Temu bual bersama PPP Sabri Ismail

¹⁰⁹ Seksyen 9

¹¹⁰ Temu bual bersama Dato' Hj Daud bin Mohammad, *op.cit.*

¹¹¹ Seksyen 7 Kaedah-Kaedah Sebat Kelantan 1987

ditetapkan terhadap wanita hamil yang dapat ditemui dalam Enakmen Jenayah Syariah Kelantan 1985.¹¹²

v. Masa Melaksanakan Hukuman

Akta memperuntukkan bahawa sebat hendaklah dilaksanakan dengan seberapa segera yang praktik. Tempohnya ialah selepas 14 hari dari tarikh hukuman dikeluarkan. Sekiranya terdapat rayuan, maka hukuman hendaklah dijalankan dengan segera sebaik proses rayuan selesai dan hukuman diputuskan oleh mahkamah.¹¹³

vi. Syarat-Syarat Lain

Syarat-syarat lain ialah banduan yang akan menjalani hukuman sebat mestilah terlebih dahulu menjalani pemeriksaan sebagai mana kelaziman yang dibuat terhadap banduan biasa yang lain.¹¹⁴ Begitu juga hukuman hendaklah dijalankan dihadapan pegawai perubatan yang beragama Islam sahaja. Sebatan juga mesti diberhentikan apabila pegawai perubatan mengesahkan wujudnya bahaya terhadap banduan maka pukulan mestilah diberhentikan dan tindakan seterusnya bergantung kepada keputusan yang dikeluarkan oleh mahkamah.¹¹⁵ Namun bagi banduan jenayah syariah, sekiranya seseorang itu didapati uzur atau sakit yang tidak mempunyai harapan sembah, hukuman rotan diteruskan dengan rotan yang lebih ringan. Selain daripada itu disyaratkan juga bagi banduan jenayah syariah

¹¹² Temu bual bersama Dato' Hj. Daud Mohammad,*op.cit*

¹¹³ Seksyen 5[1],[2]

¹¹⁴ Seksyen 10, *ibid*

¹¹⁵ *Ibid*

mestilah disaksikan, dirotan serta diperiksa oleh pegawai-pegawai yang beragama Islam. Orang-orang bukan Islam tidak boleh menjadi saksi atau tukang sebat kepada pesalah syariah. Ini kerana kaedah menetapkan bahawa pelaksanaan mestilah disaksikan oleh sekurang-kurangnya 4 orang saksi lelaki yang beragama Islam. Maka di sini pegawai-pegawai yang hadir pada masa pelaksanaan hukuman dibuat itulah secara otomatis menjadi saksi-saksi. Atas alasan itu mereka mestilah terdiri daripada pegawai-pegawai yang beragama Islam. Menurut Dato' Hj Daud, pegawai sebat ialah pegawai yang telah dilantik oleh pihak penjara kerana Mahkamah Syariah tidak mempunyai pegawai sebat sendiri. Jika dibandingkan dengan peruntukan yang terdapat dalam Kanun Prosedur Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan, didapati peruntukan ini lebih sukar untuk diperaktikkan kerana mensyaratkan tukang sebat mestilah seorang yang adil dan matang.¹¹⁶ Peruntukan ini sama dengan peruntukan yang terdapat dalam Seksyen 5 (g) Ordinan Hukuman Sebat (Pakistan) 1979. Adalah lebih sukar menetukan keadilan serta kematangan seseorang. Ianya memerlukan huraian jelas bagi mengelakkan kekeliruan.

Perbincangan di atas merumuskan beberapa perkara berkenaan dengan pelaksanaan sebat syariah di Malaysia khususnya di Kelantan. Alasan yang menyebabkan negeri-negeri lain yang telah memasukkan cara-cara pelaksanaan hukuman sebat dalam Kanun Prosedur jenayah masing-masing seperti Wilayah Persekutuan misalnya tidak menggunakan pakai peruntukan hukuman sebat ialah kerana menganggap kaedah yang ada belum lengkap. Manakala di Kelantan pelaksanaan sebat syariah memang berlaku. Selain itu sebat syariah didapati lebih :

¹¹⁶ Seksyen 125 (3) (d) Akta 560. selain daripada negeri Kelantan Terengganu juga menamakan pegawai sebat ialah seorang yang telah dilantik oleh pihak kerajaan negeri.

ringan kerana menggunakan rotan yang mempunyai saiz yang lebih kecil, serta cara pukulan yang lebih sederhana dan sebatan tidak ditumpukan kepada satu tempat sahaja. Selain itu walau pun disebat dipenjara sivil , tetapi mereka dibenarkan memakai pakaian yang menutupi aurat.¹¹⁷ Ianya menampakkan satu imej yang positif. Dalam kebanyakan aspek seperti pengecualian hukuman sebat serta beberapa prosedur yang lain termasuklah pentakrifan usia tua adalah sama dengan amalan yang dilakukan terhadap banduan biasa iaitu mereka yang telah disyiharkan oleh mahkamah sebagai telah melebihi usia 50 tahun.

Secara keseluruhannya kajian mendapati peruntukan tentang kaedah-kaedah pelaksanaan hukuman sebat yang telah dibuat di negeri Kelantan lebih terperinci berbanding dengan yang terdapat di negeri-negeri lain. Pensabitan hukuman tersebut juga didapati telah berlaku terhadap beberapa kes sebagai mana yang telah dibincangkan. Atas alasan bidang kuasa jenayah yang ada itu adalah bersifat takzir hukuman-hukuman masih dilaksanakan di penjara sivil. Walau pun masih banyak kelemahan dalam pelaksanaan tersebut, usaha yang dirintis oleh mahkamah syariah negeri Kelantan ini sewajarnya diikuti dan disokong oleh negeri-negeri lain. Dalam masa yang sama ianya masih memerlukan kepada pembaikan dari semasa ke semasa berdasarkan pengalaman sehingga hal bidang kuasa jenayah di mahkamah syariah dapat ditegakkan di atas prinsip-prinsip hukuman yang tersendiri, cara tersendiri dan tempat tersendiri berdasarkan hukum syarak yang sebenar.

¹¹⁷ Temubual Dato' Hj Daud Bin Mohammad,*op.cit*